



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 4561]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 4562]

Kebenaran Duti—

(1) Y.B. Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa

(2) Y.B. Tuan Chian Heng Kai

(3) Y.B. Tuan Chan Kok Kit [Ruangan 4564]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4565]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4619]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG
AHLI PERSENDIRIAN:

Akta Reformasi Tanah, 1979 [Ruangan 4619]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 4631]

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga
[Ruangan 4631]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

.. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

.. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

.. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

.. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

.. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

.. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

.. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

.. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

.. Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ BIN SYED MAHMUD, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- .. TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- .. TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- .. TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. DAVID (Damansara).
- .. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- .. TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- .. TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE KAW (Keluang).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- .. TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- .. TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 19hb Mac, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA
MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1979;
2. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978;
3. Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979;
4. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1979;
5. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1979;
6. Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan) 1979;
7. Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pindaan) 1979;
8. Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 1979;
9. Akta Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 1979;
10. Akta Perbekalan Tambahan (1977 dan 1978) 1979;

11. Akta Pengisytiharaan Suatu Kawasan Dalam Daerah Bintulu Menjadi Port Persekutuan 1979;
12. Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979;
13. Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979;
14. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979;
15. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1979;
16. Akta Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) 1979;
17. Akta Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1979;
18. Akta Bank dan Syarikat Meminjam (Pindaan) 1979;
19. Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (Pertukaran Nama dan Pindaan) 1979; dan
20. Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) 1979.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga telah menerima tiga Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.
(*Setiausaha membacakan Perutusan*)

“22hb Disember, 1978.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujuan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1979; dan
2. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan)

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

“12hb Januari, 1979.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujuan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977 dan 1978);
2. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2);
3. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2);
4. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2)
5. Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka);
7. Rang Undang-undang Bank dan Syarikat Meminjam (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (Pertukaran Nama dan Pindaan);
10. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan;
12. Rang Undang-undang Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit;
13. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan);

14. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pindaan);

15. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan);

16. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan); dan

17. Rang Undang-undang Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah (Pindaan).

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

“18hb Januari, 1979.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujuan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu).

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

KEBENARAN BERCUTI

- (1) Y.B. Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa.
- (2) Y.B. Tuan Chian Heng Kai.
- (3) Y.B. Tuan Chan Kok Kit.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (1) Yang Berhormat Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa selama dua tahun mulai 1hb Januari, 1979;
- (2) Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai selama setahun mulai 12hb Disember, 1978; dan
- (3) Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit selama setahun mulai 15hb Disember, 1978.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENYAKIT TAUN

1. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan wabak penyakit taun; tindakan yang Kerajaan telah ambil bagi menentukan bahawa penduduk-penduduk di sepanjang Sungai Perak boleh dengan selamatnya menggunakan airnya dan adakah suntikan anti-cholera diberi kepada mereka supaya tiada terdapat pembawa-pembawa penyakit di kalangan mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, penyakit kolera adalah penyakit yang endemik di Malaysia dan boleh merebak dari semasa ke semasa sepertimana yang kita telah alami pada masa-masa yang lampau. Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa tindakan kawalan di kawasan-kawasan yang terlibat. Ini termasuk pemeriksaan kes-kes, dan kes-kes yang disyaki memberi pelajaran kesihatan, menaruh ubat kelorin di perigi-perigi, menaruh ubat di tandar-tandas, mengambil contoh najis dari pesakit-pesakit dan pemegang makanan, mengambil contoh-contoh makanan dan air, memberi ubat-ubat pencegahan kepada kontek-kontek, membina perigi dan tandas dan juga suntikan. Bagi tahun 1978, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

Bilangan kes dan pembawa kuman yang telah disiasat	3,158
Bilangan perigi dibubuh kelorin	68,951
Bilangan contoh najis diambil ..	118,196
Bilangan contoh makanan diambil	3,538/1 positif
Bilangan contoh air diambil	10,940/335 positif
Bilangan kontek diberi tetracycline	56,658
Bilangan tandas dibubuh ubat ..	16,381
Bilangan tandas baru dibina ..	7,411
Bilangan perigi dibina	245
Bilangan orang diberi suntikan kolera	313,143

Selain daripada langkah-langkah yang tersebut di atas, usaha yang terutama dalam kawalan ini ialah Rancangan-rancangan Kesihatan Alam Sekitar dan Pelajaran

Kesihatan. Ko-ordinasi aktiviti-aktiviti kawalan adalah dijalankan menerusi Jawatan-kuasa Tindakan di Peringkat Negeri dan Daerah yang mana taklimat telah diberi oleh Pengarah Negeri dan Pegawai Kesihatan Daerah. Semua Jabatan Kerajaan yang berkenaan telah diminta memberi bantuan dan kerjasama dalam mengawal wabak ini. Dalam bulan Februari tahun ini, satu kempen telah dilancarkan untuk mempergiatkan kempen kebersihan alam sekitar dan pelajaran kesihatan di seluruh Malaysia.

Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan supaya penduduk-penduduk sepanjang Sungai Perak boleh menggunakan air dengan selamatnya adalah seperti berikut:

Pasukan-pasukan Pelajaran Kesihatan dengan kerjasama dan bantuan Jabatan Penerangan Tempatan, radio dan akhbar-akhbar telah memberi nasihat kepada penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan mengenai cara-cara mencegah wabak tersebut, seperti memasak air dan meminum air yang dimasak, menggunakan tandas dan menjaga kebersihan diri sendiri.

Tandas-tandas dan perigi-perigi telah dibina di kawasan-kawasan yang terlibat. Penggunaan tandas yang sesuai akan menghindarkan sungai tercemar dan penggunaan air perigi akan mengelakkan air sungai yang tercemar digunakan. Langkah-langkah sedemikian akan memerlukan kerjasama yang erat dari orang ramai, terutama sekali penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang terlibat. Dalam hubungan ini saya suka meminta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Suntikan dengan kolera vaccine adalah tidak berkesan dalam menghapuskan pembawa penyakit. Vaccine ini cuma memberi perlindungan yang lemah dan tidak memberi kesan kepada peringkat pembawa.

Tuan Hashim bin Ghazali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan menerangkan berkenaan dengan wabak penyakit taun dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian khususnya sungai-sungai di dalam negara. Ertinya wabak penyakit taun ini terjadi, satu daripada sebabnya di atas penerangan tadi

ialah pencemaran air sungai. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sehingga setakat ini sudah begitu banyak pencemaran air sungai terjadi di dalam negara kita dan bagaimanakah satu langkah yang perlu patut diambil bagi menyelamatkan rakyat di dalam negara ini daripada terkena lagi penyakit wabak taun ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sungai-sungai di negara kita ini tercemar oleh bermacam pencemaran dan saya rasa Yang Berhormat Menteri yang menjaga alam sekitar penuh sedar atas masalah ini dan sedang dan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menentukan supaya alam sekitar kita tidak dicemarkan.

Mengenai cara-cara bagaimana kita dapat mengatasi masalah wabak taun ini, saya telah menerangkan tadi kerana cara yang efektif untuk mengurangkan merebaknya wabak taun ini ialah dengan adanya kerjasama yang erat di kalangan masyarakat di dalam negara kita ini, seperti kata saya tadi seperti memberi penerangan dan mengikut dengan teliti dan mengamalkan nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh Kementerian Kesihatan.

ASEANEKA BAGI ANGGOTA ASEAN

2. Tuan Leonard Linggi Jugah minta Menteri Penerangan menyatakan samada Malaysia akan mencadang serta menjadi tuan rumah kepada pertandingan nyanyian talivisyen ASEANEKA yang dibuka kepada negara-negara anggota ASEAN yang akan dijalankan selaras dengan pertandingan nyanyian Eurovision di Eropah bagi tujuan memupuk persefahaman serta muhibbah di kalangan negara-negara ASEAN.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, ASEANEKA bukanlah satu pertunjukan Talivisyen yang mengandungi pertandingan nyanyian dan dengan yang demikian ia tidaklah sama dengan rancangan pertandingan nyanyian Eurovision.

ASEANEKA ialah nama yang diberi oleh Kementerian Penerangan kepada satu daripada rancangan-ancangan Jawatankuasa ASEAN mengenai kebudayaan dan penerangan yang melibatkan artis-artis radio dan talivisyen negara-negara ASEAN. Nama ASEANEKA ini tidak digunakan apabila

kumpulan artis-artis itu mengunjungi negara-negara lain di rantau ASEAN.

Rancangan ini dilaksanakan dua tahun sekali bagi menjalinkan kerjasama dan muhibbah di antara penduduk-penduduk ASEAN dan Jawatankuasa ASEAN berpendapat demi untuk mencapai tujuan tersebut dan rancangan ini mendatangkan lebih berkesan lagi jika ianya dilaksanakan secara demikian daripada dijadikan satu rancangan yang berbentuk pertandingan.

DASAR EKONOMI BARU—MATLAMAT

3. Tuan Ismail bin Said minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sejauh manakah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru setakat ini;
- (ii) adakah beliau sedar ada setengah golongan tertentu yang cuba menggagalkan Matlamat Dasar Ekonomi Baru, dan jika sedar apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap golongan ini.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (i), seperti yang dinyatakan dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga, matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dicapai secara berperingkat-peringkat hingga tahun 1990. Pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sehingga sekarang adalah memuaskan. Butir-butir lanjut mengenai perkara ini dapat dilihat dalam laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentangkan dalam Dewan ini sebentar lagi.

Berkenaan dengan soalan (ii), memang ada golongan-golongan yang tidak memberi sokongan kepada Dasar Ekonomi Baru. Tetapi ini adalah golongan kecil sahaja yang cuma mementingkan faedah diri sendiri bagi tempoh masa yang singkat dan tidak dapat melihat dari segi faedah kepada negara keseluruhannya. Kerajaan sedar akan keadaan ini dan tindakan-tindakan yang wajar telah dan akan diambil untuk menjamin supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru itu akan tercapai.

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS

4. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah yang

akan diambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh ibubapa penjaga pelajar-pelajar di Sekolah Menengah, yang tidak layak menerima buku-buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks untuk membeli buku-buku teks di toko-toko buku, terutama sekali bagi mereka yang tinggal di luarbandar. Adakah Kementerian bercadang untuk membekalkan buku-buku teks kepada semua pelajar-pelajar termasuk mereka yang tidak layak menerima di bawah Skim Pinjaman Buku Teks dengan cara ibubapa/penjaga mereka (yang tidak layak) membayar harga buku-buku teks itu di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, bagi murid-murid yang layak menerima bantuan, mereka akan diberi pinjaman buku-buku teks yang telah dipesan dan dibekalkan ke sekolah-sekolah berkenaan oleh Kementerian saya. Bagi murid-murid yang tidak layak menerima bantuan, mereka bolehlah membeli buku-buku teks daripada kedai-kedai buku swasta atau di kedai-kedai buku sekolah.

Sekiranya murid-murid yang tidak layak menerima bantuan menghadapi masalah mendapatkan buku-buku teks di toko-toko buku seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pihak sekolah boleh memesan/membeli buku-buku teks ini terus daripada penerbit-penerbit berkenaan, di mana mereka telah menyatakan persetujuan kepada Kementerian untuk membekalkannya ke sekolah-sekolah tertentu. Oleh itu, Kementerian saya tidak bercadang untuk memesan buku-buku teks bagi semua murid-murid.

KADAR SEWA RUMAH

5. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kadar sewa setengah-setengah rumah adalah terlalu tinggi dan jika ya, samada Kerajaan akan membuat peraturan tetap untuk menstabilkan kadar sewa mengikut keadaan yang sesuai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya memang

sedar bahawa kadar sewa setengah-setengah rumah adalah terlalu tinggi. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum bahawa Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa bagi mengkaji Akta Kawalan Sewa, 1966. Jawatankuasa yang berkenaan telahpun menyiapkan laporannya dan Kerajaan adalah sedang mengkaji laporan ini.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bilakah Kerajaan akan siap mengkaji laporan yang diberi itu dan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Kawalan Sewa, 1966?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa yang telah dibentuk oleh Kerajaan itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan tugas-tugasnya terlebih dahulu sebelum kita hendak mengemukakan kepada orang ramai iaitu yang pertama sekali pihak Kementerian saya dan pihak Menteri sedang menyemak atas kajian itu dan tugas-tugasnya ialah menyasiat kesan Akta Kawalan Sewa, 1966 memandangkan kepada keadaan inflasi dan dengan mengambil kira kekurangan rumah yang didiami di beberapa tempat.

Yang keduanya, membuat cadangan sama ada kawalan sewa diteruskan dalam bentuk sekarang atau diubah atau sama ada ia dibatalkan sepenuhnya. Yang ketiga, Jawatankuasa tersebut hendaklah mengemukakan perakuan-perakuan kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dalam masa 6 bulan daripada tarikh pembentukan.

Di samping itu masalah ini adalah rumit. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga perkara ini hendak kena compromise solution di antara kedua-dua pihak yang landlord dan pihak tenant supaya ada pihak landlord hendak dihapuskan dan pihak tenant berkehendakkan supaya undang-undang ini diteruskan dan dikuatkuasakan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jawapan yang serupa ini iaitu laporan ini akan dikaji telah diberi di dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam persidangan dulu dan bila kajian ini akan dapat tamat atau samada

tujuan Kerajaan untuk membuat kajian ke atas laporan ini sampai perkara ini mati.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Saya sudah katakan tadi, perkara ini rumit dan saya menyatakan secepat mungkin. Boleh jadi pada persidangan Parlimen yang akan datang kita boleh beritahu atau lambat daripada itu ataupun dibatalkan dan sebagainya. Sebab dia kena ada compromise solution. Ahli Yang Berhormat mesti faham kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan kita berkehendakkan keadilan. Kita tidak boleh untuk hendak buat sesuatu perkara itu. Ahli Yang Berhormat itu boleh mengemukakan soalan sahaja. Tetapi kita bertanggungjawab, bila kita buat silap, Ahli Yang Berhormat itu soal pula mengapa Kerajaan mengadakan undang-undang yang tidak sesuai (*Tepek*).

EMPANGAN TEMENGGOR

6. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa banyak (Volume) air akan dibendong apabila Empangan Temenggor disiapkan; dan
- (b) sejauh manakah Empangan yang akan disiapkan itu akan mempengaruhi paras air sungai Perak dan pihak-pihak yang menggunakan Sungai Perak sebagai satu cara pengangkutan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) air di kolam air Temenggor pada paras bekalan penuh adalah dianggarkan sebanyak 5.9 juta ekar kaki.
- (b) Kolam air ini adalah sedalam 350 kaki yang berdekatan dengan empangan pada paras bekalan penuh. Air pula terbentang luas sejauh 50 batu daripada empangan di sepanjang sungai utama menghala ke sempadan negeri Thailand. Ini akan memberi kemudahan kepada pihak-pihak yang menggunakan Sungai Perak sebagai satu cara pengangkutan lebih-lebih lagi bagi mereka yang hendak memudeki Sungai Perak sejauh 50 batu dari Empangan Temenggor menghala ke sempadan negeri Thailand. Tetapi bagi mereka yang hendak menghirli Sungai Perak pula pembinaan Empangan Temenggor

ini tidak akan memberi apa-apa kesan yang buruk.

PELARIAN VIETNAM

7. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan iaitu memandangkan bahawa baru-baru ini surat-surat khabar luar negeri khususnya dari negara-negara yang telah maju telah menuduh Malaysia sebagai tiada bertamadun dan tiada berperikemanusiaan kerana mengusir "orang-orang bot" daripada Vietnam; walaupun sekarang ini telahpun berada sebanyak lima puluh ribu (50,000) "orang-orang bot" di dalam negeri kita, butir-butir dan perangkaan-perangkaan pengambilan oleh Negara-negara yang mengakui diri mereka sebegitu bertamadun dan sebagai juara hak-hak asasi manusia seperti Jepun, Inggeris, Amerika dan Perancis supaya dunia dapat menghakamkan samada Malaysiakah yang bertamadun atau apa yang katakan kononnya Negara-negara yang majukah yang bertamadun.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan, nampaknya minta satu kenyataan. Tuduhan yang dibuat ke atas Malaysia oleh beberapa penulis akhbar luar, bukan semua sebilangan; adalah timbul akibat kurang pengetahuan tentang perkara yang sebenar berlaku dan salah sangka di kalangan mereka yang membuat tohmah-tohmah dan tuduhan-tuduhan tersebut. Di sini saya hendak menyatakan bahawa banyak pula akhbar-akhbar luar yang faham benar apa yang terjadi di sini dan menulis dengan cara sympathetic. Jadi kita tidak boleh menuduh keseluruhannya bahawa mereka itu tidak bertanggungjawab. Segala tindakan yang kita telah ambil sebagai pelaksanaan untuk menahan pendatang-pendatang haram ini masuk adalah dijalankan dengan penuh peri kemanusiaan umpamanya kita menentukan bahawa bot-bot yang akan diusir atau diperintah keluar itu adalah dalam keadaan baik dan mempunyai bahan-bahan makanan seperti bekalan minyak, air yang cukup untuk menyambung perjalanannya ke tempat yang dia hendak tuju. Di dalam soal ini tadi kita diminta memberi kenyataan apakah yang dibuat oleh negara-negara maju yang mengakui diri mereka juara hak asasi manusia. Umpamanya Amerika Syarikat, Perancis, Australia serta Canada.

Di sini saya bolehlah menyatakan bilangan angka yang diterima oleh negara-negara ini semenjak tahun 1975 dahulu.

Australia	7,392
Austria	94
Belgium	66
Canada	789
Cameroon (di Afrika)	3
Denmark	42
France	1,041
Hong Kong	37
Japan	1
New Zealand	222
Norway	2
Netherlands	35
Switzerland	241
Taiwan	2
U.S.A.	15,159
United Kingdom	7
West Germany	92
Jumlah angka yang sudah keluar	25,225

Di samping itu sebanyak 10 negara telah menyatakan kesanggupan kepada kita untuk mengambil beberapa orang pendatang haram yang ada di Malaysia sekarang ini sehingga bulan Jun:

Australia (sanggup menerima)	3,820
Austria	12
Canada	2,320
France	300
West Germany	100
New Zealand	300
Sweden	250
Switzerland	50
United Kingdom	250

Berkenaan dengan U.S.A, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingat dan baca di dalam suratkhabar, pentadbiran U.S.A. sekarang sedang berusaha meminta daripada Kongress dan daripada Senate supaya mereka diizinkan

memasukkan ke dalam U.S.A. 50,000 orang dalam satu tahun. Sebahagian besar daripada ini, Insya Allah, akan memberi menafaat kepada Malaysia.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan negara-negara yang mengambil pendatang-pendatang haram semenjak tahun 1975. Yang menarik hati saya di dalam penerangan itu, Jepun mengambil seorang sahaja. Saya minta penjelasan mengapa Jepun mengambil seorang dan apa alasan dia, hanya seorang yang diambil.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Itu yang sebenarnya kerana negeri Jepun berasa dia sudah cukup padat, pulau yang begitu kecil dengan bilangan penduduknya, tetapi Jepun ada memberi kesanggupan yang besar berkenaan dengan bantuan wang. Dan ini kita harapkan akan dapat kita gunakan di dalam perkara ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah kemajuan yang telah dibuat oleh Pasukan Petugas yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengendalikan masalah orang-orang Vietnam ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu ada soalan yang begini dan akan dijawab dengan cara bertulis dengan panjang lebar. Tetapi untuk menjawabnya di dalam Dewan ini, bahawa adalah sangat berhasil Petugas-petugas ini, bermaksud bahawa kita tetap terjamin tidak ada orang yang dapat mendarat itu, hilang lenyap, lari. Tiap-tiap manusia itu is accounted for. Yang keduanya, banyak daripada mereka itu tidak hinggap tetapi dapat diusir keluar.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa selain daripada pendatang-pendatang haram itu yang telah diambil oleh negara-negara ketiga ada lagi negara-negara lain yang membuat janji untuk mengambil lagi pendatang-pendatang haram itu. Jadi adakah setakat ini langkah-langkah telah disusuli selepas janji itu dibuat?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ikhtiar ini sentiasa dibuat bukan sahaja kita, tetapi juga

dengan bantuan United Nations High Commission for Refugees. Baru-baru ini Timbalan Pengerusinya datang ke Kuala Lumpur untuk berhubung dengan Kerajaan Malaysia, begitu juga dengan pemerintah di Indonesia, Thailand, Singapura dan juga Philipines, iaitu untuk membantu mencari jalan lagi dan ikhtiar supaya dapat memperluaskan lagi bilangan negara-negara yang sanggup menerima pendatang-pendatang haram ini. Di dalam perbincangan saya dengan dia didapati satu masalah iaitu ada negara-negara yang barangkali sanggup menerima tetapi mereka sendiri kurang wang untuk melaksanakan penempatan semula di dalam negeri masing-masing.

Dalam perbincangan saya dengan wakil Pengerusi United Nations High Commission tadi kita membincangkan satu rencana macam mana kita boleh membantu pula dengan wang, umpamanya wang dari Jepun itu, disalurkan ke negara-negara penerima itu supaya tidaklah negara-negara ini menerima satu bebanan yang besar apabila mereka menerima pendatang-pendatang haram yang kita kirim ke sana.

PENGAMBILAN PELAJAR-PELAJAR BUKAN BUMIPUTRA

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melaksanakan janji Kerajaan untuk memperluaskan pengambilan pelajar-pelajar bukan Melayu ke dalam kelima-lima universiti tempatan, samada quota bagi pelajar-pelajar bukan Melayu untuk tahun akademik baru sudahpun diputuskan; jika ya, beri angka-angka quota kebangsaan pada keseluruhannya dan juga angka-angka berasingan untuk setiap universiti.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka membuat pengakuan bahawa di dalam ucapan saya di Dewan yang mulia ini pada 11hb Disember, 1978 dahulu, soal penambahan pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputra ke universiti-universiti tempatan berasas kepada apa juga perlaksanaan rancangan perkembangan universiti-universiti itu. Walau bagaimanapun, kenyataan ini tidaklah seharusnya digunakan sebagai tohmah bahawa Kerajaan cuba mencari helah hendak mengelakkan menghadapi masalah ini dengan apa-apa cara jua.

Sukalah saya menjelaskan garis-garis kasar yang telah ditentukan dalam soal ini. Dengan secara am, sebagai matlamat, pengambilan pelajar-pelajar baru ke universiti-universiti hendaklah mencerminkan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Ini bermakna nisbah bumiputra dan bukan bumiputra hendaklah juga dicerminkan dalam pengambilan masuk pelajar-pelajar baru di semua peringkat, iaitu mengikut fakulti pusat pengajian di institusi yang berkenaan.

Walaupun bagaimanapun sebagai langkah permulaan, terutama sekali di sepanjang masa Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, pengecualian adalah diberikan kepada Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi supaya ketiga-tiga universiti ini dapat memainkan peranannya mempercepatkan proses penambahan pengeluaran bumiputra di dalam berbagai profesyen lebih-lebih lagi di bidang profesyen-profesyen yang kekurangan bumiputra jelas berlaku.

Berasas kepada rasional inilah maka di ketiga-tiga universiti itu nisbah pengambilan bukan bumiputra diakui kecil. Ini telah membangkitkan perasaan tidak puas hati di kalangan bukan bumiputra pula. Pada tahun-tahun yang lepas proses penambahan pelajar-pelajar bukan bumiputra dijalankan dengan beransur-ansur seperti terbukti di dalam statistik-statistik yang ada dan telahpun saya beri di dalam Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang lepas.

Pada tahun akademik 1979/1980 ini proses ini akan diteruskan bagi ketiga-tiga universiti yang saya sebutkan tadi. Ini bermakna bahawa ketiga-tiga universiti ini akan menunjukkan penambahan pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputra dari kedua segi, iaitu peratus dan angka sebenar.

Oleh sebab keputusan peperiksaan STP/HSC masih belum dikeluarkan esok lusa sahaja Tuan Yang di-Pertua—dan proses pemilihan sebenar dilakukan oleh universiti-universiti berkenaan lebih-lebih lagi kemasukan pelajar-pelajar hanya dilakukan pada bulan Jun nanti, maka tidaklah dapat saya menghuraikan satu persatu angka-angka pengambilan yang akan dilaksanakan oleh sesebuah universiti itu.

Berhubung dengan rancangan pembangunan jangka panjang kelima-lima universiti-universiti di dalam negara kita ini,

terutama sekali dalam konteks ucapan saya pada 11hb Disember, 1978 lalu itu, suka-lah saya menyatakan bahawa Kerajaan telahpun memastikan bahawa projek-projek perkembangan seperti berikut ini dilancarkan.

- (1) Satu kampus cawangan Universiti Kebangsaan akan dibina di Kota Kinabalu, Sabah.
- (2) Satu Kampus cawangan Universiti Pertanian akan dibina di Bintulu, Sarawak.
- (3) Satu fakulti perubatan akan dibina di Universiti Sains Malaysia.

Adalah diharapkan bahawa dengan perkembangan-perkembangan yang akan dilancarkan ini maka dapatlah diperluaskan peluang-peluang anak-anak kita untuk mendapat lebih lagi tempat di institusi-institusi pelajaran tinggi dalam negara kita ini selaras dengan hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk menjayakan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa pada dasarnya asas untuk mengambil pelajar-pelajar dalam tahun yang baru ialah untuk mencerminkan nisbah kaum dan mengikut nisbah kaum bagi orang-orang Melayu dan 45% bagi orang-orang bukan Melayu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan samada Kementeriannya atau beliau ada menerima cadangan bahawa pengambilan pelajar-pelajar hendaklah sebanyak 45% orang-orang bukan Melayu dan 55% orang-orang Melayu supaya mencerminkan nisbah kaum-kaum di negara ini; dan jikalau ada satu cadangan seperti ini, adakah cadangan ini akan ditimbang untuk keputusannya?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi cadangan ada, dan ini memang menjadi satu daripada asas pertimbangan mengikut hasrat jawapan yang saya sebutkan tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran berpuas hati dengan quota dan nisbah termasuk ke universiti yang ada sekarang diberi kepada kaum bumiputra di dalam mencapai matlamatnya dalam Dasar

Ekonomi Baru kita. Sekiranya tidak berpuas hati, apakah Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri mesti melayan pertanyaan dari golongan yang tidak sedarkan diri dan keadaan yang ada dalam negara kita sekarang ini dan mereka ini akan menggunakan kenyataan ini sebagai issue politik mereka.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan garis-garis kasar yang saya sebutkan tadi hendaklah diteliti dari segi jangka panjang dalam konteks pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita. Oleh sebab Dasar Ekonomi Baru kita mengambil masa selama 20 tahun maka pelaksanaan dasar mengikut pengansuran seperti saya sebutkan tadi perlulah dilaksanakan. Dari segi puas hati atau tidak puas hati, saya puas hati, sungguhpun tiap-tiap kali Menteri Pelajaran puas hati di dalam hal ini, kedua-dua pihak boleh dikatakan tidak puas hati.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikut dan meneliti apa yang telah dinyatakan oleh Menteri Pelajaran pada 11hb Disember, 1978 dan saya teringat iaitu Menteri Pelajaran berjanji akan membesarkan institusi-institusi pengajian tinggi untuk membolehkan bukan hanya kaum bumiputra, tetapi juga kaum bukan bumiputra untuk mendapat tempat-tempat yang lebih banyak. Jadi berdasarkan apa yang saya teliti pada pendapat saya ini tidak menyentuh soal quota, kerana kalau dibesarkan institusi-institusi itu bermakna tempat itu lebih banyak dan ini bermakna soal quota tidak timbul. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran bersetuju dengan pendapat saya?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, quota yang disebutkan tadi ialah sebagai garisan dan panduan sahaja; kadangkala naik sedikit, kadangkala turun sedikit. Maklumlah proses pengambilan anak-anak ke universiti-universiti berasas kepada keadaan masing-masing, dari segi kelulusan, dari segi keramaian dan dari segi jangka fakulti yang berkenaan dan sebagainya. Jadi sungguhpun saya bersetuju dari segi quota yang tertetap tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya, tetapi quota yang disebutkan tadi ialah menjadi garisan kasar sahaja.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sama ada beliau

sedar bahawa kalau diambil kira jumlah penuntut-penuntut institusi pelajaran tinggi sama ada di dalam atau di luar negeri sehingga tahun 1978 sahaja jumlah peratus bumiputra ialah 44.8% dan yang selanjutnya bukan bumiputra, ertinya 55.2%.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di dalam hendak menambahkan pelajar-pelajar bukan bumiputra di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran bercadang hendak menyusun pengambilannya ini mengikut fakulti-fakulti di mana jelas terdapat ketidakseimbangan penuntut-penuntut bukan bumiputra dan bumiputra, sebaliknya di Fakulti-fakulti Perubatan, Kejuruteraan, Pertanian seumpamanya.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa kedudukan pelajar-pelajar bumiputra masih tidak memuaskan kalau dikira dari segi jangka dalam negeri dan luar negeri. Oleh sebab itulah maka Kerajaan membuat pengecualian atas 3 universiti yang tertentu. Sepanjang masa kita menunggu hasil pelancaran Dasar Ekonomi Baru kita.

Berhubung dengan soal kedua, ini juga ada berkaitan dengan soal pertama iaitu pihak Kerajaan telah memastikan bahawa di bidang profesion-profesion yang jelas kita boleh nampak kurangnya bumiputra maka fakulti-fakulti itulah dan universiti-universiti itulah yang dikecualikan di mana anak-anak kita daripada bumiputra diambil lebih banyak daripada yang bukan bumiputra.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1978 sampai 1979 ada 26,000 orang pemohon-pemohon meminta masuk di institusi-institusi kita, 6,000 orang pelajar telah mendapat tempat tetapi 20,000 orang lebih sudah ditolak; tahun dahulu pun lebih kurang 24,000 telah ditolak. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu tahun 1979/80 untuk mengelakkan penolakan banyak penuntut-penuntut. Bolehkah diberi angkanya yang masuk ke universiti kita?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi, belum dapat dipastikan oleh sebab pengambilan ini dijalankan bulan Jun. Tetapi saya suka menegaskan sekali lagi seperti yang saya sebutkan pada masa-masa yang lepas, iaitu keadaan di negara kita ialah bahawa memang

begitu banyak anak-anak kita yang ada kelulusan minima hendak masuk ke universiti tetapi tidak ada tempat. Ini ialah soal kemudahan dan kemampuan kita dan saya telah menyatakan bahawa kebanyakan daripada negara-negara yang sedang membangun, terutama sekali, memang mereka tidak mampu hendak memberi tempat kepada tiap-tiap seorang berkelulusan minima masuk universiti. Dasar kita sekarang ialah untuk memberi tempat kepada tiap-tiap seorang anak kita yang hendak masuk ke peringkat sekolah rendah sahaja, sekolah menengah pun ada yang ketinggalan sungguhpun mereka hendak dan ada kelulusannya, jauh lagi pula ke peringkat universiti. Jadi soal ini harus dipastikan berhati-hati. Hendaklah kita sedar bahawa satu daripada sebabnya maka begitu ramai anak kita yang ada kelulusan minima tetapi tidak dapat masuk universiti ialah membuktikan kejayaan kita melaksanakan dasar pelajaran kita di mana pelajaran sudah menjadi popular, maknanya "mass", sudah tiba ke peringkat mass, dari segi pelajaran rendah dan menengah rendah tetapi belum tiba ke pelajaran menengah tinggi lagi dan jauh daripada tiba ke peringkat universiti. Pada masa Ahli Yang Berhormat dahulu, dan masa saya, agaknya, pelajaran ialah merupakan elitist dan kita bernasib baiklah dengan kelulusan apa saya pun tak tahulah; Yang Berhormat dapat kelulusan minima, kelulusan saya lebih kurang juga dahulu tetapi saya dapat masuk. Kerana duduk di Johor Bahru, sekolah baik, jadi dapat masuk. Sekarang anak-anak kita dari segala ceruk-rantau negara kita ada kelulusan, kita berjaya dalam dasar pelajaran kita tetapi ke peringkat universiti, kita tidak mampu; kita beritahu betul-betul tak mampu, seperti disebutkan. Kerajaan tidak membohong, memberi harapan. Kita memberi gambaran yang betul.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Dengan pengecualian 3 dari 5 buah universiti tempatan dalam pengambilan pelajar-pelajar yang perlu atau harus mencerminkan nisbah kaum-kaum di tanahair kita, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ia boleh mengkiatkan satu keadaan di mana pada keseluruhannya dalam pengambilan pelajar-pelajar akan berbalik kepada keadaan yang ada sekarang di mana breakdown ialah 20% dengan 80% atau 15% dengan 85%. Adakah ini akan bercanggah dengan perjanjian Yang Berhormat Menteri ada membuat dalam Dewan ini?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu nampaknya selalu menimbulkan soal-soal yang mungkin mengelirukan rakyat jelata. Soal itu sebenarnya menggambarkan spekulasi "in advance" untuk mengecoh dan mengeruhkan keadaan. Tunggulah dahulu tengok keadaan dan terima atau tidak dari segi justificationnya, rationalnya. Saya fikir dari segi pihak Kerajaan, kami benar-benar rational, kami benar-benar ada reasoning. Kalau hendak ambil opportunity pun, hendak hentam, tunggulah dahulu sebelum statistics ini keluar.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran adakah beliau sedar bahawa soal quota kemasukan ke universiti ini ada berkaitan dengan peratus yang lulus daripada universiti semenjak adanya universiti. Jika sedar, apakah kaum bumiputra mempunyai peratus yang lebih daripada mereka yang lulus daripada universiti dan yang bernasib baik ini.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, memang benar saya telah cuba menarik perhatian rakyat jelata menegaskan bahawa yang perlu ditumpukan bukan kemasukan, tetapi pengeluaran yang berjaya. Tetapi kalau hendak diminta angka-angka kejayaannya, saya tidaklah dapat memberinya. Barangkali di dalam perbahasan Semakan Rancangan Malaysia Ketiga nanti, kalau ditanya, insya Allah akan dapat diberi dari segi tenaga yang telah dapat dihasilkan oleh dasar pelajaran kita.

PERHUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN BRUNEI

9. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia akan mengadakan perhubungan diplomatik dengan Kerajaan Brunei memandangkan bahawa kedua-dua buah negara Brunei dan Malaysia ini adalah negara-negara Islam dan tambahan pula Negeri Brunei adalah jiran yang terdekat bagi Sabah dan Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar negara ini untuk mengadakan hubungan baik dan bekerjasama dengan negara jiran

rantau ini termasuklah Brunei, iaitu jiran yang paling dekat dan bersempadan dengan kita. Yang demikian, Malaysia ingin mengadakan hubungan diplomatik yang erat dengan Brunei.

TEORI DOMINO—ANCAMAN KEPADA MALAYSIA

10 Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada jatuhnya Cambodia ke tangan Vietnam akan mendatangkan bahaya kepada Thailand, Malaysia dan Singapura (Teori Dimino); dan
- (b) adakah kita sudah cukup kuat untuk mempertahankan diri dari ancaman serangan dari dalam dan luar negeri.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memandang berat tentang perkembangan di Kampuchea baru-baru ini dan implikasinya dari segi keamanan dan Kestabilan di Asia Tenggara. Kerajaan Malaysia tidak pernah mempercayai apa yang dikatakan Teori Domino dan dalam konteks ini perkembangan di Kampuchea tidak ada sebarang kaitan dengan teori tersebut.

Sebagai jawapan pada soal kedua Ahli Yang Berhormat, saya rasa Ahli Yang Berhormat pasti telah membaca kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Amar Haji Abdul Taib, Menteri Pertahanan, pada 10hb Mach, 1979 di Batu Arang di mana beliau telah memberi jaminan bahawa Malaysia tidak akan terperangkap sekiranya berlaku sebarang kemungkinan akibat dari keadaan di Indo-China sekarang. Saya rasa kenyataan ini adalah mencukupi bagi menjawab soal Ahli Yang Berhormat.

PETRONAS—KAJIAN KEMUNGKINAN JANA LETRIK

11. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil yang telah diperolehi daripada satu kajian kemungkinan yang dijalankan oleh Petronas untuk mengadakan jana-jana letrik dengan menggunakan 'associated gas' dari telaga-telaga minyak di Malaysia supaya gas-gas ini tidak dibazirkan dan juga ianya boleh dijadikan sebagai rancangan yang terbesar untuk menjimatkan wang negara dalam proses

mengeluarkan kuasa letrik dan gas masak demi kepentingan pembangunan ekonomi negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Petronas belum lagi membuat satu kajian kemungkinan secara menyeluruh untuk menjalankan jana-jana letrik dengan menggunakan 'associated gas'. Walau bagaimanapun, Petronas sedang berusaha untuk mencari jalan bagaimana 'associated gas' dapat digunakan, supaya pembaziran sebagaimana yang berlaku sekarang ini dapat dielakkan. Petronas sedang membuat kajian ke atas empat projek yang menggunakan gas untuk pengeluaran kuasa letrik iaitu di Labuan, Miri, Bintulu dan di Pantai Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi maklumat yang lanjut sedikit berkenaan dengan perkara ini iaitu projek-projek dalam kajian ialah:

- (1) Jana letrik yang didirikan oleh Kerajaan Sabah di Labuan yang akan menggunakan gas untuk membekalkan kuasa letrik kepada kilang aluminium di negeri itu;
- (2) Pembesaran jana letrik kepunyaan Perbadanan Letrik Negeri Sarawak di Miri. Stesyen kuasa ini bila diperbesarkan akan memerlukan lebih banyak gas associated;
- (3) Pembinaan sebuah jana letrik yang baru di Bintulu oleh SESCO itu Perbadanan Negeri Sarawak untuk menampung keperluan letrik yang bertambah di kawasan itu akibat pembangunan perindustrian dan sebuah kilang aluminium; dan
- (4) Pembinaan jana letrik di Trengganu oleh Lembaga Letrik Negara yang akan menggunakan gas associated dari telaga-telaga minyak di kawasan itu.

Petronas telahpun membuat cadangan kepada Lembaga Letrik Negara untuk menggunakan gas asli yang terdapat di Pantai Timur dan untuk ini Lembaga Letrik Negara telah mencadangkan supaya satu sistem jana letrik combine cycle dengan kekuatan 600 megawatt dibina untuk menggunakan associated gas bila gas ini dapat disalurkan ke pantai kelak. Preliminary specification untuk jana letrik bagi menggunakan associated gas di Pantai Timur ini sedang disediakan dan

apabila gas ini dapat di bawa ke Pantai Barat melalui paip pada suatu masa yang akan datang kelak maka jana kuasa letrik yang kini menggunakan bahan api bolehlah pula menggunakan gas.

Stesyen jana kuasa letrik di Port Kelang adalah dirangka untuk menggunakan bahan api dan juga gas tetapi penggunaan gas untuk tujuan ini akan hanya bermula apabila Petronas selesai menyediakan rancangannya untuk membawa gas ke pantai dan mengagihkan gas itu ke jana kuasa-jana kuasa letrik di seluruh negara.

PELAJAR-PELAJAR BUKAN BUMIPUTRA

12. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan dan rancangan yang konkrit telah diambil oleh Kerajaan untuk menunaikan janji-janji seperti mana yang dinyatakan dalam ucapan beliau di Dewan Rakyat pada 11hb Disember, 1978, iaitu memperluaskan lagi universiti-universiti dan memberi tempat kepada anak-anak bukan Bumiputra.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, jawapan kepada soalan yang hampir sama telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi, setakat ini saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

PEGAWAI BELIA DAERAH—PERANAN

13. **Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan memandangkan kepada peranan penting yang dimainkan oleh Pegawai Belia Daerah dalam memberi pimpinan kepada belia-belia desa yang mana kebanyakan daripada mereka adalah mangsa keciciran sekolah, sama ada Kerajaan akan menimbang menempatkan seorang pegawai tersebut di setiap daerah di negara ini terutama sekali di kawasan-kawasan pendalaman di mana didapati kesulitan perhubungan dan tidak sebagaimana sekarang di mana seorang Pegawai Belia Daerah terpaksa bertanggungjawab bagi beberapa buah daerah yang boleh menyebabkan kerjanya kurang productive dan tidak boleh memberi kesan baik kepada belia-belia luarbandar.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menentukan supaya aktiviti-aktivitinya dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk seluruh negara.

Dari masa ke masa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan membuat penilaian berhubung dengan penempatan pegawai-pegawai di daerah-daerah dengan mengikut keperluan. Menempatkan pegawai untuk daerah yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat 49 pegawai telah ditempatkan pada tahun 1978 dan proses pengambilan bagi 32 orang pegawai lagi sedang dijalankan. Pegawai-pegawai tambahan ini akan ditempatkan kepada daerah-daerah dan projek-projek mengikut keperluan.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan betapa ramai pegawai, kecekapan dan sebagainya, tetapi adakah pihak beliau sedar ada pegawai yang ditetapkan di sesuatu daerah ia menjalankan tugas kepada tiga jabatan: Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ertinya seorang pegawai menjalankan tiga kerja dan menyebabkan kemungkinan keseluruhannya tidak berhasil ataupun sebahagian daripadanya tidak berhasil. Adakah beliau bercadang supaya tiap-tiap daerah yang berkenaan ini ditempatkan pegawai? Kalau beliau seorang Pegawai Belia, kebudayaan seorang Pegawai Kebudayaan, sukan seorang Pegawai Sukan?

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang tidak memerlukan seorang pegawai bagi setiap Bahagian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pegawai atau Jurulatih Sementara akan dilantik untuk menolong pegawai mengikut keperluan daerah.

DRAMA MINGGU INI— RANCANGAN TV

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak sungutan orang ramai mengenai mutu persembahan rancangan TV yang kurang memuaskan dan rancangan yang diperbesar-kan ialah Drama Minggu ini. Sama ada mutu

rancangan tempatan dapat diperbanyakkan lagi dengan berbagai siri rancangan seperti pertunjukan-pertunjukan pentas yang boleh diubahsuai; mengadakan cerita science fiction, filem pendidikan yang menggambarkan pembangunan negara seperti yang dicapai oleh negara Jepun; mengadakan filem bersiri yang dicommissionkan kepada syarikat-syarikat swasta untuk menjayakan dan mendapatkan tajaan dari syarikat swasta yang besar-besar dan bertukar-tukar pendidikan di antara negara-negara ASEAN. Jika tidak, mengapa.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pada amnya ada sungutan daripada penonton-penonton talivesyen khususnya tentang mutu persembahan di dalam rancangan Drama Minggu Ini. Seperti yang pernah saya menyatakan dahulu, Kementerian Penerangan sentiasa menelitikan mutu persembahan rancangan-rancangan TV dan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penilaian Rancangan-rancangan bagi tujuan memperbaiki segala rancangan yang dilaksanakan oleh pihak RTM dan lain-lain jabatan di bawah Kementerian ini. Daripada semasa ke semasa langkah-langkah memperbaiki rancangan-rancangan itu dilakukan. Walaupun saya sedar bahawa ada di antaranya masih belum dapat memuaskan hati para penonton. Ini adalah disebabkan oleh berbagai kesulitan termasuk kekurangan kemudahan dan kakitangan yang terlatih di samping mendapatkan skrip-skrip yang sesuai untuk penerbitan drama dan rancangan-rancangan yang serupa.

Sayugia saya menyatakan di sini bahawa menurut kajian yang dibuat oleh Kementerian Penerangan rancangan Drama Minggu Ini adalah satu-satu rancangan yang diminati ramai walaupun ada yang merasakan tak puas hati. Sayugia dinyatakan juga bahawa dalam apa pun bentuk penerbitan yang digunakan untuk siaran TV, perkara yang ditegaskan oleh Kementerian ini ialah tentang tema atau cerita ataupun mesej yang terdapat di dalam persembahan itu yang mana ianya hendaklah selaras dengan hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk mencapai perpaduan antara rakyat dan keselamatan negara. Sumbangan dan penglibatan daripada pihak swasta adalah dihargai oleh pihak RTM jika penerbitan-penerbitan mereka itu dapat memenuhi norma dan nilai bagi mencapai matlamat tersebut. Di

samping itu ianya juga hendaklah memenuhi kehendak Lembaga Penapis Filem.

Setengah daripada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat telahpun dilaksanakan oleh RTM. RTM telah menyiarkan banyak rancangan-rancangan tempatan termasuk pertunjukan-pertunjukan pentas, drama dan hiburan yang telah diubahsuai. Dari semasa ke semasa pihak RTM juga berusaha bagi menambahkan penerbitan termasuk liputan-liputan di luar studio.

Mengenai cerita science fiction, pihak RTM tidak memberi keutamaan kepada filem-filem seperti itu tetapi sebaliknya menegaskan penerbitan filem-filem mengenai aspek-aspek sains dan teknologi selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

RTM juga mengambil bahagian dalam skim pertukaran rancangan-rancangan radio dan TV antara negara-negara ASEAN yang melibatkan tukar menukar bahan-bahan rancangan-rancangan untuk meninggikan mutu penerbitan dengan meningkatkan pengetahuan menerusi latihan dan menambakan alat kelengkapan yang perlu juga dilaksanakan. Adalah diharapkan dengan terlaksananya langkah-langkah seperti itu, maka mutu persembahan TV akan meningkat dan memuaskan para penonton sekalian.

TRADE UNIONS ORDINANCE/ INDUSTRIAL RELATIONS ACT— PINDAAN

15. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji secara mendalam mengenai Trade Unions Ordinance, 1959 dan Industrial Relations Act, 1967 yang memberi kebebasan yang begitu luas kepada pekerja-pekerja untuk melancarkan tindakan mogok tanpa menyedari kedudukan negara yang berkehendakkan pelaburan untuk memberi pekerjaan kepada rakyat, dan jika perlu mengezetkan serta memberi garis-garis panduan tentang jawatan-jawatan yang dianggap khidmat perlu di mana tindakan mogok hendaklah diharamkan, sama ada ia berupa ugutan atau ancaman yang menghasut sejajar dengan pembangunan negara yang berkehendakkan kestabilan politik daripada kepentingan segelintir manusia yang mencari kesempatan. Jika tidak, mengapa.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan adalah dalam proses mengkaji semula Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Pindaan-pindaan yang sesuai terhadap undang-undang ini sedang dipertimbangkan memandangkan kepada keadaan dan suasana yang berlaku sekarang, dan juga dengan tujuan untuk membetulkan semula apa-apa kelemahan dan kekurangan di dalam sistem perhubungan perusahaan kita untuk menjamin perhubungan yang lebih baik di antara majikan dan pekerja.

Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 juga telah sedia mengandungi senarai Perkhidmatan-perkhidmatan Kegunaan Awam (Public Utility Services) dan di samping itu Akta tersebut juga mengandungi peruntukan dan kuasa-kuasa bagi Kerajaan untuk bertindak terhadap mogok haram dan lain-lain tindakan haram seperti ugutan, hasutan atau lain-lain, sama ada di dalam perkhidmatan penting atau tidak penting.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi definisi apakah yang dikatakan mogok haram dan mogok tidak haram?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, eloklah Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada undang-undang yang sedia ada.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberitahu Dewan ini sebelum apa-apa pindaan mustahak diadakan untuk meminda kedua-dua Akta tersebut. Adakah Yang Berhormat Menteri akan menjemput pihak yang berkenaan seperti kesatuan sekerja dan majikan untuk mengadakan perundingan sebelum pindaan diadakan terhadap kedua-dua Akta tersebut?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat itu belum tahu lagi, memanglah sudah menjadi satu amalan dan lazimnya sebelum kita membuat pindaan-pindaan itu, pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh pihak pekerja

ataupun pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh pihak majikan, pada lazimnya dapat dibincang dalam satu National Joint Labour Advisory Council di mana wakil-wakil daripada semua pihak tentulah dijemput.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya ada mendengar yang Kementerian akan membawa cadangan pindaan atas Undang-undang Buruh di Dewan ini di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi soalan itu.

Tuan V. David: Ada juga dalam akhbar menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri-menteri ada memberi amaran kepada kesatuan-kesatuan sekerja bahawa Kerajaan akan membawa pindaan dalam Dewan ini untuk Undang-undang Buruh. Adakah atau tidak akan dibawa pindaan macam itu di Dewan ini? Sebenar tadi juga Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa ada satu badan yang mengandungi wakil-wakil pekerja, wakil majikan, wakil Kerajaan yang mahu siasat dahulu sebelum membawa pindaan itu dalam Dewan ini. Adakah itu betul atau tidak akan dibawa pindaan dalam Dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 23 (h) tidak membenarkan sesuatu pertanyaan itu sama ada benar atau tidak apa yang keluar di dalam akhbar.

SEATO—PAKATAN KENTENTERAAN

16. **Tuan V. David:** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang tentera-tentera Kampuchea telah berpangkalan dan dilatih di Malaysia di bawah pengaruh 'South East Asia Treaty Organisation' dalam tahun-tahun enam puluhan dan perkara ini telah disahkan di dalam Parlimen Malaysia. Oleh kerana kini Malaysia telah mengubah polisi luarnya yang mana bersesuaian dengan lingkungan semangat dan konteks tidak bersekutu dan berkecuali, adakah ia akan memastikan kepada Dewan supaya tidak akan mengulangi kesilapan-kesilapan masa lalu dan menjauhkan diri dari semua bentuk perjanjian ketenteraan yang boleh mendatangkan ancaman terhadap keselamatan Malaysia dan kedaulatannya.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin sedar, Malaysia tidak pernah menjadi South East Asia Treaty Organisation (SEATO) atau apa-apa pertubuhan ketenteraan di dalam lingkungan perasingan kuasa-kuasa besar. Apa yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar. Walau bagaimanapun, Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang erat dengan negara-negara di rantau ini. Perhubungan ini adalah untuk kepentingan negara dan ianya tidak bercanggah dengan pendirian kita, Malaysia menjadikan rantau ini suatu kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Sukacita saya menegaskan lagi yakni Malaysia sentiasa mengawasi kepada situasi-situasi pergolakan di dunia ini dan Malaysia sentiasa menjauhkan diri dari semua bentuk pakatan ketenteraan terutama sekali pakatan-pakatan ketenteraan dalam konteks persaingan politik kuasa-kuasa besar demi menjaga kedaulatan dan cara hidup negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).

ORDINAN KESATUAN SEKERJA/ ORDINAN KERJA/AKTA PER- HUBUNGAN PERUSAHAAN/REFORMASI

17. **Tuan V. David** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau akan menimbangkan perlantikan sebuah Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat undang-undang buruh yang sedia ada seperti Ordinan Sekerja 1959, Ordinan Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dengan tujuan membuat reformasi selaras dengan kemajuan dan pembangunan negara ini, dan juga bersesuaian dengan aspirasi Konvensyen 87 Pertubuhan buruh antarabangsa (ILO), atas kebebasan Berkesatuan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum undang-undang Buruh adalah sentiasa dikaji oleh

Kerajaan dari semasa ke semasa untuk menentukan undang-undang ini bukan sahaja selaras dengan kepentingan majikan dan pekerja tetapi juga dengan kepentingan negara seluruhnya. Malahan pada masa sekarang kajian mendalam sedang dibuat dengan tujuan untuk membuat pindaan yang sesuai.

Oleh yang demikian tidak perlulah ditubuh satu Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat undang-undang Buruh itu.

PERPADUAN RAKYAT AFRO-ASIAN

18. Tuan V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau turut memberi sumbangan kearah Perpaduan Afro-Asian. Adakah beliau bersedia untuk memulakan sebuah Persidangan Perpaduan Rakyat Afro-Asian sama seperti apa yang telah dilangsungkan di Bandung Indonesia dalam tahun 1955 demi untuk memupuk perpaduan yang lebih erat di kalangan rakyat jelata Afro-Asian dan juga membebaskan negara-negara di bawah kuasa penjajah, imperialis dan neokolonialisma.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudden Al-haj): Ahli Yang Berhormat yang bertanya telah ketinggalan masa dan tidak sedar bahawa semenjak Persidangan Bandung pada 1955, Pergerakan Negara-negara Yang Berkecuali telah memainkan peranan yang terutama dalam mengambil inisiatif untuk mencapai perpaduan bangsa-bangsa bukan sahaja di Asia dan Afrika malah juga di Latin Amerika. Pergerakan ini juga telah membela perjuangan dekolonasasi dan kemerdekaan. Malaysia sebagai ahli kepada pergerakan ini menyokong sepenuhnya falsafah dan tujuan-tujuannya dan telah memainkan peranan yang aktif di dalam pencapaian tujuan-tujuan tersebut, sebagai buktinya kita adalah menjadi anggota Biro Penyelarasan Pergerakan tersebut sejak Persidangan Kemuncak di Lusaka, 1970 hinggalah Persidangan Kemuncak di Colombo, 1976.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, mesyuarat-mesyuarat pergerakan ini adalah diadakan pada peringkat Ketua-ketua Kerajaan tiga tahun sekali; setahun sekali untuk peringkat Menteri-menteri Luar dan

sekurang-kurangnya sekali setahun untuk peringkat Menteri-menteri Luar Biro Penyelarasan. Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi salah satu mesyuarat tersebut, iaitu Mesyuarat Persiapan Biro Penyelarasan di Kuala Lumpur pada bulan Mei 1972. Oleh yang demikian, tidak perlu diadakan mesyuarat khas hanya untuk membincangkan perpaduan Afrika-Asia, Malaysia mengambil kesempatan yang penuh dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut untuk menyuarakan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat Malaysia dalam berbagai-bagai isu-isu politik, ekonomi dan soisal. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat membaca semua kenyataan-kenyataan yang saya keluarkan di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut.

PERUNDINGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA-THAILAND

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan tujuan lawatan beliau ke Thailand dalam bulan Februari yang lalu, dan berikan huraian perbincangan yang telah diadakan di Chiangmai antara beliau dengan Perdana Menteri Thailand, dan sejauh mana perbincangan dan keputusan telah dibuat mengenai masalah pendatang-pendatang haram dari Vietnam yang terus menerus datang ke Malaysia.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Lawatan saya ke Thailand baru-baru ini adalah dibuat dalam rangka perundingan (consultations) yang sering diadakan antara pemimpin-pemimpin ASEAN dari masa ke semasa. Dalam lawatan itu, saya telah berbincang dan bertukar-tukar fikiran dengan Perdana Menteri Thailand, dan pemimpin-pemimpin Thai yang lain, mengenai perkara-perkara bersangkutan dengan hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand, dan juga mengenai perkembangan-perkembangan terakhir di rantau ini yang menjadi kepentingan bersama.

Mengenai perkara yang bersangkutan dengan hubungan dua hala, saya dan Perdana Menteri Thailand telah bersetuju untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi, keselamatan dan pembangunan di daerah sempadan kedua-dua negara. Kerjasama dalam bidang pertanian dan perikanan juga akan ditingkatkan lagi. Selain

dari itu, saya dan Perdana Menteri Thailand juga telah menandatangani satu memoranda persefahaman (Memorandum of Understanding) untuk menubuhkan satu Pihak-berkuasa Bersama (Joint Authority) bagi mencari kegunaan bahan-bahan semulajadi tak-hidup (non-living natural resources) di dasar laut di kawasan pelantar benua di Teluk Thailand yang sama-sama dituntut oleh Malaysia dan Thailand.

Mengenai masaalah serantau, saya dan Perdana Menteri Thailand telah bertukar-tukar fikiran mengenai perkembangan terakhir di Indochina yang membawa kesan terhadap keamanan dan kesatabilan di seluruh Asia Tenggara. Kami memandang berat dan berasa bimbang dengan keadaan di Indochina sekarang ini; dan dengan itu telah merayu kepada pihak yang terlibat supaya menghentikan pertikaian, dan supaya semua tentera-tentera asing ditarik keluar dari daerah pertikaian. Kami juga merayu kepada kuasa-kuasa luar supaya bertenang dan menahan diri dari tindakan-tindakan yang boleh memperbesar dan meluaskan lagi sengketa di Indocina.

Kami juga telah berbincang mengenai masaalah pendatang-pendatang haram dari Vietnam yang menjadi satu beban yang berat bagi Malaysia dan Thailand. Dalam hal ini kedua-dua negara bersetuju untuk bekerjasama dan meningkatkan lagi usaha-usaha secara bersendirian dan secara bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain, dan juga dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Hal Ehwal Orang-orang Pelarian (United Nations High Commissioner for Refugees), untuk mendapatkan penyertaan yang lebih luas dari negara-negara lain dalam program menempatkan semula pendatang-pendatang haram itu.

LETRIK DI SEBERANG PRAI SELATAN

20. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bekalan kuasa letrik di kawasan Seberang Prai Selatan selalu terganggu dan apakah langkah-langkah yang akan beliau ambil untuk mencegah gangguan letrik ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Saya sedar bekalan kuasa letrik di kawasan Seberang Prai Selatan

selalu terganggu terutama sekali pada waktu malam. Dari siasatan-siasatan yang telah dijalankan gangguan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (a) "Flesh over" yang berlaku semasa hujan atau angin kuat ditalian atas voltan tinggi di sepanjang jalan Bukit Pancor.
- (b) Pengambilan beban yang berlebihan oleh kilang-kilang terutama sekali sebelum perayaan tahun Baru China dimana didapati kilang-kilang menjalankan perusahaan mereka sepanjang hari hingga ke malam. Ini menyebabkan alat perlindungan terpelantik dan bekalan terganggu.

Langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masaalah ini adalah seperti berikut:

- (a) Dua projek untuk menguatkan sistem pembahagian yang melibatkan penamaan kebel-kebel 11kV yang memakan belanja \$350,000 telah diselesaikan pada penghujung bulan Februari 1979.
- (b) Satu projek untuk menubuhkan satu pencawang utama 132/11kV kawasan Pa Thau yang akan menelan belanja lebih kurang \$2½ juta sedang diuruskan dan dijangka siap pada tahun 1980.

PENYELIA PETANG SEKOLAH

21. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini penyelia-penyelia petang sekolah adalah dikehendaki menjalankan tugas-tugas yang sama atau hampir sama dengan tugas-tugas seseorang guru besar tanpa tambahan gaji dan sama ada beliau akan merekomenkan satu tangga gaji baru kepada kumpulan penyelia-penyelia petang ini. Jika ada, bila; jika tidak, mengapa.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Penyelia-penyelia petang sekolah hanya ada di sekolah-sekolah besar yang menjalankan dua sesi (double session). Tugas-tugas Penyelia petang sekolah tidaklah sama beratnya dengan tugas-tugas seseorang Guru Besar kerana tugas mereka adalah menolong Guru Besar. Sebenarnya, Guru Besar adalah bertanggungjawab dan bertugas di sekolah dari pagi hingga petang.

Oleh hal yang demikian, Penyelia-penyelia petang tidak diberi gaji tambahan atau elaun. Pihak Kementerian sedang membuat kajian kemungkinan Penyelia-penyelia petang di beri ganjaran sewajarnya.

TUNTUTAN GAJI PEKERJA DALAM RANCANGAN FELDA/RISDA

22. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) Sama ada beliau sedar bahawa tuntutan upah oleh pekerja-pekerja terhadap kontraktor atau kontraktor kecil bagi Rancangan FELDA atau RISDA telah gagal atau sedang menunggu keputusan di dalam Mahkamah Buruh untuk beberapa tahun disebabkan oleh FELDA atau RISDA gagal menentukan cukup cara-cara kewangan dan kebolehan kontraktor bila mula menganugerahkan kontrak itu;
- (b) berapa banyakkah tuntutan gaji pekerja-pekerja terhadap kontraktor bagi rancangan FELDA atau RISDA yang menunggu keputusan dalam Mahkamah Buruh; dan
- (c) apakah tindakan beliau akan ambil untuk menolong pekerja-pekerja supaya mereka dapat balik gajinya dengan secepat mungkin.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Saya sedar bahawa ada tuntutan-tuntutan gaji yang telah difailkan di Mahkamah Buruh dari semasa ke semasa oleh pekerja-pekerja terhadap kontraktor atau kontraktor kecil bagi Rancangan FELDA atau RISDA. Akan tetapi saya menafikan bahawa tuntutan tersebut terpaksa menunggu bertahun-tahun untuk diputuskan.

Sejauhmana Mahkamah Buruh ada berkaitan, tiap-tiap satu tuntutan tersebut akan diusahakan supaya diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa masalah yang timbul dalam menyelesaikan kes-kes ini. Kebanyakan kes-kes tuntutan yang dibuat itu agak terlalu lewat, yang demikian apakala tuntutan tersebut dilaporkan kepada pihak FELDA atau RISDA, Mahkamah Buruh diberitahu tidak ada lagi baki 'retention money' yang perlu dibayar kepada kontraktor-kontraktor

berkenaan. Yang demikian perintah larangan (prohibitory orders) tidak dapat dibuat kepada pihak FELDA atau RISDA untuk menghentikan bayaran kepada kontraktor-kontraktor yang berkenaan. Ini akan menyulitkan pembayaran tuntutan tersebut. Dalam kebanyakan tuntutan itu, kontraktor-kontraktor yang berkenaan tidak dapat dikesan. Ini menimbulkan masalah dalam menghantar 'summon' dari Mahkamah Buruh.

Kebanyakan kerja kontrak itu dibuat oleh sub-kontraktor yang kurang begitu faham mengenai tuntutan gaji, kadang-kadang sub-kontraktor itu sendiri tidak tahu alamat kontraktor yang sebenar kerana kontraktor itu kadang-kadang bukan terdiri dari penduduk tempatan.

(b) Tuntutan yang masih menunggu keputusan Mahkamah Buruh adalah seperti berikut:

18 Tuntutan terhadap kontraktor/sub-kontraktor FELDA yang melibatkan 335 pekerja yang berjumlah \$93,941.

5 tuntutan terhadap kontraktor/sub-kontraktor RISDA yang melibatkan 75 pekerja yang berjumlah \$19,369.

Semua tuntutan-tuntutan ini telah dibuat pada penghujung tahun, 1978 atau awal tahun 1979. Kebanyakan kes-kes ini akan didengar oleh Mahkamah Buruh pada bulan Mac atau April tahun 1979 ini. Tarikh pendengaran bagi lain-lain kes itu akan ditentukan sebaik sahaja kontraktor yang berkenaan dapat dikesan.

(c) Sebagaimana yang dinyatakan tadi, Mahkamah Buruh adalah mencuba sedaya upaya untuk menyelesaikan tuntutan tersebut dengan seberapa segera yang boleh. Kementerian saya berharap akan dapat berunding dengan kedua-dua agensi yang berkenaan supaya dapat dicari jalan yang lebih sesuai dan untuk memperkemas urusan ini. Disamping itu ingin juga saya menyeru kepada pekerja-pekerja yang terlibat supaya membuat tuntutan tersebut dengan segera ke Pejabat Buruh yang berdekatan supaya memudahkan lagi tindakan penyelesaiannya.

PELUANG PEKERJAAN

23. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) apakah langkah beliau untuk mendapatkan lebih banyak pekerjaan untuk penduduk-penduduk di negeri ini.
- (b) berapakah banyak orang-orang yang mendapat pekerjaan di Sektor Kerajaan dalam tahun 1978.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Sebagai-mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum langkah-langkah dan rancangan Kerajaan untuk mengujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi penduduk-penduduk di negara ini, telah pun berjalan beberapa lama melalui berbagai-bagai rancangan pembangunan kita dan proses ini masih berterusan.

Usaha-usaha positif untuk menentukan pencapaian matlamat ini adalah ditumpukan kepada semua sektor awam terutama sekali sektor pembuatan, sektor awam dan sektor pertanian. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (a) Menarik seberapa banyak pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk mendirikan perusahaan di negara ini, serta membesarkan lagi perusahaan yang telah ada. Ini dijalankan dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan-kemudahan dan galakan serta insentif yang diperlukan, serta menghantar rombongan perdagangan keluar negeri.
- (b) Memperhebatkan lagi aktiviti pertanian di kawasan-kawasan pertanian yang sedia ada dan juga kawasan pembangunan wilayah dan kawasan pembangunan pertanian yang baru.
- (c) Menggalakkan lagi aktiviti perkhidmatan-perkhidmatan kegunaan awam, seperti pentadbiran awam, bank dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat akan berpeluang mengetahui dengan Lebih detail lagi mengenai usaha-usaha Kerajaan ini apabila Laporan Kajian Semula Separuh Penggal Kewangan Malaysia Ketiga dibentangkan di Dewan ini.

(b) Setakat ini angka-angka yang tepat mengenai jumlah mereka yang mendapat pekerjaan dengan Kerajaan pada tahun 1978 tidak dapat diberikan. Walau bagaimanapun dalam tiga tahun yang lepas dari jumlah lebih kurang 470,000 yang telah diujudkan, Sektor Awam telah menyumbangkan sebanyak 20% iaitu lebih kurang 94,000 pekerjaan iaitu hitong panjang 31,000 setahun.

MISC—PENGANGKUTAN KAPAL LNG

24. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan pada masa ini kapal-kapal LNG kepunyaan MISC yang hangat diperbincangkan dan adakah urusan untuk mencari penyewapenyewa kapal itu telah selesai dijalankan dan dengan siapakah urusan ini telah dibuat, dan adakah dengan menyewakan kapal-kapal ini akan kelak dapat menampung kerugian yang dialami oleh MISC dan Kerajaan oleh kerana kesilapan teknik memesan untuk membeli kapal-kapal ini terdahulu daripada jadual penggunaannya.

Perdana Menteri: Pihak MISC masih lagi berusaha dengan giatnya, untuk mendapatkan kerja-kerja perdagangan dan pengangkutan yang lain, bagi kapal-kapal LNG itu sehingga kapal-kapal itu digunakan bagi pengangkutan gas LNG dari Bintulu yang dijangka bermula dalam tahun 1983.

Setakat ini MISC belum lagi berhasil mendapat sebarang penyewa bagi kapal-kapal LNG itu. Beberapa rundingan yang agak menggalakkan, tentang penyewaan kapal-kapal LNG itu, telah terpaksa dibatalkan iaitu berhubung dengan pembinaan kilang-kilang LNG di Iran yang telah dibatalkan akibat pergolakan di negara itu.

Walaupun bagaimanapun, pihak MISC akan terus berikhtiar serta mencari jalan bagaimana kapal-kapal LNG itu dapat digunakan sementara menunggu projek gas LNG di Bintulu memulakan pengeluarannya.

Saya hendak juga memaklumkan bahawa ada kelewatan di dalam jadual penyerahan kapal-kapal LNG itu kepada kita. Kapal yang pertama yang dijadualkan siap dan diserahkan pada penghujung tahun 1979 akan

hanya diserahkan pada bulan Mac 1980. Kapal-kapal yang berikutnya akan diserahkan satu persatu pada:

Bulan September 1980

Bulan November 1980

Bulan Julai 1981

Bulan Oktober 1981.

PERKHIDMATAN TALIPON DI SILAM

25. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan talipon di kawasan P. 128—SILAM sangat tidak memuaskan bukan sahaja antara daerah dengan daerah yang lain tetapi juga dalam daerah tempatan sendiri seperti Daerah Semporna dan jika sedar, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian mengenai perkara ini.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Kementerian saya sedar atas kesusahan yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan telefon di Semporna dalam membuat panggilan antara kawasan itu dan daerah-daerah lain. Keadaan ini berlaku disebabkan ibusawat telefon 200 talian yang ada sekarang di Semporna hampir penuh dan juga terdapat kesesakan di litar sambungan jauh (trunk route) ke Ibusawat itu. Tindakan sedang diambil untuk memperbaiki kedua-dua masalah ini dengan menambah talian pada Ibusawat sekarang dari 200 talian kepada 300 talian selain daripada itu tindakan juga diambil untuk menambah litar-litar sambungan jauh (trunk) kepada Ibusawat itu.

Kedua-dua Ibusawat telefon lain di daerah Silam tidak mengalami sebarang masalah. Ibusawat telefon Lahad Datu mempunyai 1,000 talian akan di tambah kepada 3,000 talian dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Ibusawat telefon Kunak yang mempunyai 100 talian juga sedang dikaji untuk ditambah muatannya.

PEMILIK LOMBONG TEMBAGA

26. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(a) jumlah bilangan pemilik lombong tembaga yang berdaftar di Sabah dan mengapakah ianya didaftarkan atas nama persendirian dan nyatakan

bagian yang dipegang oleh setiap pemilik berdaftar; dan

(b) apakah logam-logam lain yang terdapat di dalam bijih selain daripada tembaga dan berikan peratusnya.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Malaysia hanya mempunyai sebuah lombong tembaga sahaja iaitu dikawasan Mamut, Sabah. Syarikat yang mengusahakan lombong ini adalah didaftarkan sebagai Overseas Mineral Resources Development Sabah Berhad dan saham-sahamnya adalah dipegang oleh rakyat Sabah sendiri dan juga pengusaha-pengusaha Jepun dan oleh itu adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa syarikat tersebut didaftarkan atas nama persendirian.

(b) Selain daripada tembaga, logam-logam emas dan perak juga diperolehi sebagai pengeluaran sampingan. Anggaran peratusan yang diperolehi ialah kira-kira 20 gramme emas bagi satu tan metrik bijih padat tembaga dan 120 gramme perak bagi satu tan metrik bijih padat tembaga.

BANCIAN PENDATANG HARAM VIETNAM

27. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) bilangan mengikut bancian terakhir pendatang-pendatang haram yang berada di negeri ini;

(b) langkah-langkah ketat yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal pendatang-pendatang haram itu dari meresap masuk ke dalam masyarakat dengan tujuan untuk tinggal menetap di negeri ini;

(c) adakah Kerajaan membuat bancian semula untuk memastikan sama ada pendatang-pendatang haram itu ada yang telah meresap masuk ke dalam masyarakat setempat;

(d) jumlah pendatang-pendatang haram itu yang telah dipindahkan ke negara ketiga; dan

- (e) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi sambutan dingin negara ketiga untuk menerima pendatang-pendatang haram tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Bilangan pendatang-pendatang haram yang berada di negeri ini setakat 28 Februari 1979 ialah 54,182.
- (b) Langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah menubuhkan Pasukan Petugas yang bertanggungjawab untuk mengawal pendatang-pendatang haram semenjak mereka mula mendarat di pantai-pantai kita hinggalah mereka di pindahkan ke negara-negara ketiga.
- (c) Sejak penubuhan Pasukan Petugas kawalan pendatang haram telah diperketatkan dan kita ketahui bahawa tiada seorang pun daripada pendatang-pendatang haram yang berjaya meresap masuk ke dalam masyarakat setempat atau ke dalam hutan. Tiap-tiap pendatang haram adalah dalam catitan pihak berkuasa. Oleh demikian, bancian semula tidak perlu diadakan.
- (d) Jumlah pendatang-pendatang haram yang dipindahkan ke negara-negara ketiga ialah 25,225.
- (e) Pihak UNHCR telah mengadakan satu mesyuarat perundingan di Geneva pada 11 dan 12 Disember, 1978. Kita telah membentangkan masaalah yang dihadapi oleh negara kita berkaitan dengan pembanjaran pendatang-pendatang haram Vietnam di samping menyeru supaya lebih ramai negara-negara ketiga menerima pendatang haram ini kita telah juga membentangkan satu formula (pulau memproses PHV). Sambutan dari pihak USA dan Australia atas cadangan tersebut adalah menggalakan. Wakil masing-masing memberi pengakuan untuk mendesak pihak berkuasa masing-masing supaya menerima lebih ramai pendatang haram dan juga mempengaruhi negara-negara lain supaya menerima PHV ini. Ini termasuklah pengakuan yang dibuat oleh Ahli Kongress Lester Wolfe dan Elizabeth Holtzman yang melawat Malaysia baru-baru ini. Kita dapat tahu

pihak Amerika akan meminta Kongress meluluskan untuk menerima 50,000 orang setahun dan Presiden Amerika sendiri boleh menambah lagi bilangan penerimaan ini. Pihak Australia telah membuat pengakuan untuk menerima 30,000 dan Canada 6,000 tahun ini. Berkaitan dengan cadangan mengadakan pulau memproses PHV pihak Indonesia telah mengesahkan kemudahan hatinya untuk mengadakan sebuah pulau dengan syarat-syarat tertentu. Mesyuarat khas berkenaan perkara ini akan diadakan di Jakarta bulan Mei ini).

Kita juga telah mencadangkan supaya negara-negara yang kaya seperti Jepun yang tidak mampu menerima PHV atas sebab-sebab tertentu supaya membiayai negara-negara yang sanggup menerima PHV tetapi tidak berupaya dari segi kewangan.

PASUKAN PETUGAS BAGI PENDATANG HARAM VIETNAM

28. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Sebab-sebab Kerajaan tidak berjaya mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram tersebut, walaupun satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan; dan
- (b) sekadar manakah kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Pasukan Petugas ini bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Sejak Pasukan Petugas ditubuhkan ketara bahawa bilangan PHV yang sampai ke sini telah berkurangan. Pada bulan November 1978 sahaja bilangan PHV yang mendarat ialah 16,463. Tetapi dari bulan Disember 1978 hingga Februari bilangan tersebut telah berkurangan dari 6,897 ke 4,833 ke 3,764. Kesemuanya ini dikawal rapi dan tiap-tiap seorang dalam catitan. Sambil itu urusan untuk memindahkan mereka ke negara ketiga giat diusahakan.

- (b) Kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pasukan Petugas untuk melaksanakan tugas-tugasnya adalah terhad kepada kuasa-kuasa seperti biasa dan tidak apabila menghadapi musuh negara. Garis panduan ialah undang-undang dan perikemanusiaan.

PEMBELI KOKO

29. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan akan mengeluarkan lesen kepada pembeli-pembeli koko di seluruh Negara, dengan tujuan supaya dapat menstabilkan koko dan juga supaya dapat mengelakkan perbuatan curang oleh pembeli-pembeli dan juga oleh penjual-penjual.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):

Kerajaan memang bercadang untuk mengeluarkan lesen kepada pembeli-pembeli koko di seluruh negara, dan perkara ini sedang dikaji dengan mendalam untuk menjalankan tindakan yang sesuai. FAMA juga akan melibatkan diri dalam pembelian dan memproses biji-biji koko dengan tujuan untuk menstabilkan harga dan mengelakkan perbuatan curang oleh pembeli-pembeli dan penjual-penjual.

MURID-MURID SEKOLAH DALAM DARJAH SATU

30. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Pelajaran menyatakan angka kemasukan anak-anak sekolah ke darjah satu, mengikut kaum bagi tahun 1978 dan 1979. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar, bahawa kemerosotan bilangan anak-anak Melayu ialah kerana mengamalkan 'Pil Perancang Keluarga'.

Dato' Musa bin Hitam: Butir-butir mengenai kemasukan murid-murid ke darjah satu pada tahun 1977 dan 1978 (angka-angka bagi tahun 1979 belum ada) mengikut kaum adalah seperti berikut:

	<i>Melayu</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain</i>
1977	148,412	102,472	23,633	1,045
1978	156,325	106,356	23,736	1,088
Tambahan ..	7,913	3,883	103	43
Peratus				
Tambahan ..	5.3%	3.8%	0.4%	4.1%

Mengikut butir-butir di atas peratus tambahan bagi kanak-kanak Melayu adalah yang tertinggi sekali sebanyak 5.3% bagi tempoh tahun 1977/1978 jika dibandingkan dengan murid-murid kaum lain. Walau bagaimana pun, kadar pertambahan ini bagi tiap-tiap kaum berubah-ubah sedikit dari setahun kesetahun dan tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa 'Pil Perancang Keluarga' telah memberi kesan kepada kaum Melayu seperti yang ditunjukkan di dalam perangkaan Darjah 1 di atas.

PENUNTUT-PENUNTUT M.C.E/S.P.M.

31. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian yang berkenaan sedar bahawa kelemahan penuntut-penuntut M.C.E. dan S.P.M. dalam matapelajaran Bahasa Inggeris ialah kerana ketandusan guru-guru Bahasa Inggeris yang cekap dan layak. Apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan bagi mengatasi masaalah ini.

Dato' Musa bin Hitam: Kementerian saya adalah sedar bahawa penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan MCE/SPM lemah dalam Bahasa Inggeris. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Sebab yang utama ialah pertukaran Bahasa Pengantar dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pada masa ini hampir semua matapelajaran di sekolah-sekolah menengah diajar dalam bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris diajar sebagai satu matapelajaran. Ini telah menyebabkan jatuhnya penguasaan murid-murid dalam Bahasa ini.

Sungguhpun ada terdapat sedikit kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, tetapi, keadaan sekarang adalah beransur baik. Kementerian saya pada masa ini mengambil langkah-langkah tertentu untuk memberi latihan khas kepada guru-guru yang mempunyai latarbelakang Bahasa Inggeris yang baik supaya mereka ini dapat ditugaskan khas untuk mengajar Bahasa ini.

Di samping itu ada beberapa langkah lain yang sedang dijalankan untuk membaiki mutu penguasaan Bahasa Inggeris ini seperti mengubahsuaikan sukatan pelajaran dan kurikulum Bahasa ini, mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru

dalam kaedah mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa kedua, mengadakan kempen Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan memberi galakan kepada murid-murid membaca buku-buku dalam Bahasa Inggeris di perpustakaan-perpustakaan sekolah.

SUMBER AIR

32. Dr. Tan Tiong Hong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan mengapa Kementerianya, dengan kesedaran bahawa kesulitan air bukan sahaja akan membawa kepada kesulitan hidup tetapi juga mengancam keselamatan misalnya jika berlaku kebakaran dan menambah bahaya penyakit, kurang tepat dalam usahanya untuk memperbanyakkan sumber air selaras dengan pembangunan-pembangunan yang dijalankan dengan pesatnya di dalam negara kita.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya menafikan bahawa Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam adalah kurang tepat dalam usahanya untuk memperbanyakkan sumber air. Sebaliknya Kementerian saya adalah sentiasa giat mencari punca-punca air baru bagi memenuhi pertambahan keperluan air bagi kegunaan domestic dan perusahaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di Semenanjung Malaysia keperluan air bagi kegunaan domestic dan perusahaan adalah bertambah dari setahun ke setahun. Pada tahun 1970 keperluan air ialah sebanyak 170,000,000 gelen satu hari dan ini telah meningkat kepada 296,000,000 gelen sehari dalam tahun 1977 dan ini adalah dibekalkan daripada 234 buah loji pembersihan air. Pada keseluruhannya bekalan air di Semenanjung Malaysia adalah bertambah selaras dengan bertambahnya keperluan air iaitu perbekalan meningkat purata 8% pada tiap-tiap tahun berbanding dengan keperluan bertambah di antara 6 hingga 7 peratus pada tiap-tiap tahun. Jumlah bekalan air sekarang adalah sebanyak 325,000,000 gelen sehari. Apabila siap kesemua projek yang telah dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga pada tahun 1983 bekalan air akan meningkat kepada 577,000,000 gelen sehari berbanding dengan keperluan yang dijangka akan

meningkat kepada 478,000,000 juta gelen sehari.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$48,000,000 telah diluluskan bagi kerja-kerja menambah bekalan air dan peruntukan ini akan ditambah kepada \$698.33 juta di bawah Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

SKIM RUKUN TETANGGA

33. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan samada memandangkan kepada perkembangan baru yang berlaku di negara-negara Indochina dan kegagalan sekim Rukun Tetangga untuk membawa apa-apa faedah yang konkrit dalam usaha untuk mewujudkan satu Tentera Rakyat yang boleh mempertahankan negara kita dalam sebarang keadaan darurat, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan perkhidmatan negara (national service) bagi setiap rakyat Malaysia yang sihat yang akan menanamkan semangat identiti nasional yang tidak ternilai; jika tidak, mengapa dan jika ya, bilakah perkhidmatan itu akan dimulakan.

Perdana Menteri: Buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan negara oleh kerana kita masih berkemampuan serta berkebolehan untuk mempertahankan negara dalam sebarang keadaan darurat seperti yang telah terbukti di masa-masa yang lampau. Rakyat pada masa ini telah menyumbangkan tenaga mereka melalui pertumbuhan-pertubuhan seperti Rukun Tetangga dan Rela yang membantu pasukan keselamatan menjaga keamanan dan ketenteraman negara.

KERUGIAN MAS AKIBAT MOGOK

34. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah kerugian yang ditanggung oleh pihak MAS sejak pekerja-pekerjanya melancarkan tindakan perusahaan haram ahli-ahli kesatuan pekerja penerbangan mulai dari 15.12.1978 hingga 15.3.1979.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Adalah sukar hendak menentukan berapa banyakkah kerugian yang ditanggung oleh MAS akibat pekerja-pekerjanya melancarkan tindakan perusahaan haram oleh kerana sehingga sekarang pun

pihak MAS tidak dapat melancarkan perkhidmatannya dengan sepenuhnya. Syarikat MAS tidak dapat mengadakan perkhidmatannya ke London dan Australia oleh kerana pemuluan oleh International Transport Workers Federation di Australia dan United Kingdom.

Saya suka nyatakan bahawa MAS perlu membelanjakan sebanyak \$650,000 sehari sekiranya semua perkhidmatan di gantungkan. Hasil pendapatannya pada sehari jika semua perkhidmatannya dijalankan ialah sebanyak \$1.3 juta. Ini bererti bahawa kerugian yang akan ditanggung olehnya akibat tindakan perusahaan haram itu ialah bergantung kepada perkhidmatan manakah yang dibatalkan pada hari-hari yang berkenaan itu. Ikhtiar sedang dijalankan untuk memulihkan semula semua perkhidmatan antarabangsanya termasuk ke Australia dan United Kingdom.

SINDIKET PENYELUDUPAN GETAH

35. Tuan Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa Sindiket Penyeludupan Getah ke Thailand telah berjaya membawa lebih daripada 150,000 pikul getah sebulan, yang mengakibatkan Kerajaan kehilangan Cukai Ekspot Getah kira-kira \$30 juta lebih setahun. Jika sedar apakah tindakan lebih tegas dan sewajarnya dapat Kerajaan lakukan bagi membenteraskan penyeludupan tersebut, kerana perkara ini masih lagi berterusan sekarang ini; dan
- (b) berapa besarakah kekuatan pihak Kerajaan bagi mengawal sempadan Malaysia-Thai bagi mengurangkan penyeludupan yang besar-besarnya yang akan membawa kesan kepada ekonomi kita.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan sedar bahawa adanya sindiket penyeludupan yang menjalankan kegiatan penyeludupan di sempadan negeri Thai dan Malaysia. Tetapi jumlah getah yang diseludup ke Thailand tidak boleh diketahui dengan sebenarnya. Oleh demikian, angka sebanyak 150,000 pikul sebulan dan

kehilangan hasil Kerajaan sebanyak \$30 juta setahun yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sangkaan semata-mata.

Masalah mengawal penyeludupan berkehendakkan bukan sahaja tindakan tegas dari pihak Kerajaan tetapi juga kerjasama dari pihak rakyat. Dari pihak Kerajaan langkah-langkah yang telah diambil bagi membenteraskan penyeludupan adalah seperti berikut:

- (i) satu pasukan petugas yang mengandungi pegawai-pegawai dari Jabatan Kastam, Polis, Imigresen dan LPN telahpun ditubuh bagi mengawal penyeludupan di kawasan-kawasan sempadan dengan negeri Thai.
- (ii) bilangan kakitangan Kastam di stesyen-stesyen sempadan ditambah dari masa ke semasa.
- (iii) Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia telah diminta supaya menimbang cadangan menarik balik lesen jualbeli getah daripada pemegang-pemegang lesen yang gudang getahnya terletak di kawasan sempadan ataupun menempatkan semula pemegang-pemegang lesen di tempat yang jauh dari sempadan.
- (iv) langkah tambahan di dalam bentuk sekatan jalan atau 'road blocks', rondaan-rondaan di daratan atau 'land patrols', dan lain-lain tindakan kuatkuasa bagi mencegah menyeludupan telah diperhebatkan lagi.

Mengenai soalan berapa besarakah kekuatan pihak Kerajaan bagi mengawal penyeludupan di sempadan, adalah dimaklumkan bahawa bilangan kakitangan Kerajaan yang bertugas di dalam pasukan mencegah penyeludupan adalah mencukupi. Kerajaan sentiasa mengkaji keperluan kakitangan mengikut keadaan dan manakala didapati perlu, langkah akan diambil bagi menambah lagi bilangan kakitangan.

IRAN, REPUBLIK ISLAM

36. Tuan P. Patto minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah memutuskan untuk mengiktiraf dan menubuh perhubungan diplomatik dengan Republik Islam Iran, dan jika tidak, mengapa.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa saya telahpun menyatakan bahawa perubahan pemerintahan di Iran adalah hal ehwal dalam negeri itu sendiri dan oleh kerana itu tidak menjejaskan hubungan dua hala kita dengannya. Kita terus mengadakan hubungan rasmi dengan pemerintahan baru Iran khususnya melalui Kedutaan Besar Malaysia di Teheran.

LULUSAN PELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI

37. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa ramai atau berapa peratuskah rakyat Malaysia yang mendapat pelajaran tinggi di peringkat Universiti yang lulus dalam lapangan Akademik dan Professional di dalam dan di luar negeri;
- (b) daripada golongan rakyat yang bernasib baik itu, berapa ramai atau berapa peratuskan pembahagian mengikut komposisi kaum yang ada dalam negeri kita ini.

Dato' Musa bin Hitam: Soalan Yang Berhormat itu adalah kurang jelas dan terlalu umum kerana tidak pula ditentukan sesuatu tempoh. Jika Yang Berhormat berkehendakkan maklumat untuk sesi 1978/79 yang lalu maka ianya tidaklah dapat diberikan kerana buat ketika ini peperiksaan tahun akhir masih lagi dijalankan dan keputusan-keputusan peperiksaan tersebut masih belum diperolehi. Mengenai bilangan para lulusan dari universiti-universiti luar negeri maklumat yang diperolehi adalah kurang lengkap.

BIRO BANTUAN GUAMAN

38. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa bidang kuasa yang ada pada Biro Bantuan Guaman adalah sangat-sangat terhad bagi mengendalikan lebih banyak kes-kes untuk membela golongan miskin. Jika sedar, adakah beliau bercadang hendak memperluas dan memperbesarkan lagi bidang kuasa Biro tersebut; dan

(b) berapa banyakkah kes-kes yang telah diselesaikan oleh Biro Bantuan Guaman dengan membahagikan jenis kes-kes tersebut, dalam usahanya membantu golongan teraniaya dalam tahun 1977 dan 1978 yang lepas.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):

(a) Ya. Saya sedar bahawa kuasa yang ada pada Biro Bantuan Guaman adalah sangat-sangat terhad bagi mengendalikan lebih banyak kes-kes untuk membela golongan miskin. Di atas kesedaran inilah Kementerian saya sedang membuat kajian untuk meminda peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam Akta Bantuan Guaman 1971 memperbesarkan lagi bidangkuasa Biro itu bagi menyesuaikan dengan keadaan pada masa ini. Tetapi perlu diingatkan bahawa apa jua tindakan yang diambil bagi memperluas dan memperbesarkan lagi bidangkuasa Biro Bantuan Guaman mestilah dilakukan dengan memberi pertimbangan kepada keupayaan Biro dari segi jumlah kakitangan, untuk mengendalikan dengan cekap segala kerja-kerjanya.

(b) Kes-kes yang telah diselesaikan oleh Biro Bantuan Guaman dalam tahun 1977 dan 1978 adalah seperti berikut:

Perkara	1977	1978
1. Nafkah	968	1,058
2. Perubahan perintah nafkah ..	36	49
3. Menguatkuasakan perintah nafkah	57	87
4. Jagaan	34	50
5. Cerai	201	334
6. Harta sepencarian	48	66
7. Pampasan pekerja-pekerja ..	53	58
8. Akta Penanam-penanam Padi	4	4
9. Pembahagian harta pesaka kecil	47	55
10. Kemalangan	238	202
11. Ordinan Pemberi pinjam Wang	9	14
12. Pengakuan salah dalam pembicaraan jenayah	29	36
13. Mutaah	13	—
14. Akta Sewabeli	58	92
15. Jagaan/Perceraian (bukan Islam)	122	163

Perkara	1977	1978
16. Sewa-menyewa	69	79
17. Pelbagai nasihat secara umum	2,740	2,943

- (iii) \$2,000 hingga \$3,000; dan
(iv) \$1,500 hingga \$2,000.

MAS—PEGAWAI EXECUTIVE

39. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan Pegawai "executive" MAS mengikut kaum yang bergaji bulanan:

- (i) \$4,000 ke atas;
(ii) \$3,000 hingga \$4,000;

Tan Sri V. Manickavasagam: Dukacita saya tidak dapat memberikan bilangan pegawai executive MAS mengikut kaum berasaskan pada tangga gaji bulanan mereka oleh kerana perkara gaji masing-masing adalah terikat kepada Perjanjian di antara Syarikat MAS dengan pegawai masing-masing dan tidak boleh diumumkan kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, bilangan pegawai executive MAS mengikut kaum boleh diberi dengan cara berikut:

	M	C	I	BL	Expatriate
1. Pengurus Besar dan Ketua Bahagian	5	2	1	1	—
2. Jawatan Pengurus	24	13	7	—	—
3. Pegawai-pegawai eksekutif lain iaitu Pentadbiran I & II	106	114	25	6	38

KERUGIAN MAS OLEH PEKERJA-PEKERJA

40. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kemajuan atau kerugian yang dialami oleh MAS akibat tindakan 'go-slow' yang dilancarkan oleh pekerja-pekerja MAS baru-baru ini dan apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Soalan Yang Berhormat itu telahpun saya jelaskan ketika menjawab soalan yang seakan-akan sama maksudnya dari Ahli Yang Berhormat dari Panti.

PERTIKAIAN MAS DENGAN PEKERJA-PEKERJA

41. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) mengapakah Kerajaan telah gagal menyelesaikan pertikaian MAS dengan cepatnya dan membiarkannya menjadi buruk hingga mengancam keupayaan

dan perkhidmatan sistem penerbangan negara kita;

- (ii) mengapakah Kerajaan tidak mengasaskan penubuhan sebuah Suruhanjaya Bebas untuk mengkaji tanggagaji pekerja-pekerja MAS sebagai suatu cara menyelesaikan pertikaian ini;
(iii) sejauh manakah MAS telah mengalami kesusahan sejak meletusnya pertikaian ini; dan
(iv) adakah Kerajaan menimbang membenarkan suatu syarikat penerbangan yang lain ditubuhkan di negara ini sebagai suatu cara mengadakan perkhidmatan yang cekap kepada orang ramai.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (i) Kerajaan tidak gagal dalam hal pertikaian MAS dengan AEU. Perundingan-perundingan telah diadakan di antara MAS dengan AEU. Apabila perundingan itu gagal perkara ini telah dirujuk kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk penyelesaian.

Malangnya pihak Kesatuan terus mengambil tindakan yang tidak mengikut undang-undang. Dengan ini Kerajaan terpaksa mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya.

(ii) Ini tidaklah dianggap perlu.

(iii) Sejak meletusnya pertikaian tersebut MAS telah mengalami kesusahan di mana penerbangan-penerbangannya telah mengalami kelewatan dan pembatalan penerbangannya. Pada 13hb dan 14hb Februari, 1979 semua penerbangan MAS telah digantung. Pada 15hb Februari, 1979, sebanyak 45 penerbangan dalam negeri telah diadakan dalam Semenanjung Malaysia dan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Pada 26hb Februari, 1979, penerbangan dalam negeri berjalan seperti sediakala. Pada 21hb Februari, 1979, penerbangan antarabangsa di mulakan dengan penerbangan ke Hongkong. Sehingga hari ini penerbangan-penerbangan ke Australia dan England telah digantung kerana adanya pemuluan oleh ITWF.

(iv) Kerajaan memang telah membenarkan beberapa syarikat swasta menjalankan penerbangan secara tidak berjadual dan charter dalam negara ini. Tetapi Kerajaan tidak bercadang menubuhkan satu syarikat yang lain yang dipunyai oleh Kerajaan oleh kerana perkhidmatan MAS adalah mencukupi dan boleh diperkembangkan lagi dengan cekapnya di masa yang akan datang. Masalah pertikaian tanggagaji adalah satu perkara yang berlaku dalam mana-mana syarikat penerbangan pun.

PERTIKAIAN PERUSAHAAN MAS DAN PEKERJA AEU

42. Tuan Lim Kit Slang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan mengapa beliau dan Kementerian beliau salah mengurus secara terus-terusan pertikaian MAS—AEU dengan tindakan-tindakan seperti keputusan pada 5hb Januari, 1979 oleh Pendaftaran Kesatuan Sekerja untuk membatalkan pendaftaran 874 orang Ahli Kesatuan Pekerja-pekerja Penerbangan, notis bertarikh 27hb Januari, 1979 kepada kesatuan

sekerja tersebut mengenai pembatalan kesatuan tersebut diikuti oleh perintah Menteri yang melarang kegiatan-kegiatan kesatuan dan pembekuan wang kesatuan tersebut yang mana tindakan-tindakan ini telah memburukkan lagi pertikaian tersebut; sebab-sebab mengapa tindakan-tindakan ini tidak dibatalkan sungguhpun terdapat desakan berkali-kali oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya membolehkan pertikaian tersebut dibawa ke meja perundingan oleh Pihak MAS dan AEU.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Saya tidak faham dengan maksud Ahli Yang Berhormat itu apabila beliau menyatakan bahawa saya dan Kementerian saya telah salah menguruskan secara terus-terusan (Persistently midhandled) pertikaian perusahaan di antara Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Kesatuan Pekerja-pekerja Penerbangan (AEU). Semua tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian saya adalah sejajar dan selaras dengan Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen ini.

Adakah beliau secara jujur mencadangkan supaya Kerajaan tidak seharusnya menguatkuasakan Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, dan hanya duduk berpeluk tubuh apabila sekumpulan kecil pekerja-pekerja dengan secara terang-terang telah melanggar Undang-undang?

Undang-undang tidak menghormati seseorang. Mereka yang menentangnya sudah tentu akan menerima padahnya. Mengenai kenapa perintah-perintah yang telah dibuat itu tidak ditarik balik, Ahli Yang Berhormat itu sebagai seorang Peguam tentulah faham dan mengerti bahawa peraturan-peraturan yang dibuat di dalam Undang-undang perlulah dijalankan mengikut landasannya. Sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, ada baiknya jika beliau menjauhkan diri dari membuat tuduhan yang boleh merumitkan lagi kedudukan perkara ini.

Adalah jelas daripada soalan ini, bahawa Ahli Yang Berhormat dari Petaling mungkin tidak mengikut dengan telitinya perkembangan dan kedudukan perkara itu yang sebenarnya atau beliau sengaja tidak mahu memahaminya.

Dengan itu, beliau sebagai seorang Peguam telah dengan sendiri menunjukkan kekurangan pengetahuan beliau mengenai undang-undang dan penguatkuasaannya. Pendaftaran Kesatuan Sekerja telah mengarahkan AEU membatalkan pendaftaran 874 ahli-ahlinya kerana beliau puashati bahawa mereka mengambil tindakan perusahaan haram yang bertentangan dengan undang-undang. Yang demikian tindakan yang beliau ambil pada 8hb Januari, 1979 (bukan 5hb Januari, 1979), adalah betul wajar dan teratur.

Sekali lagi pada 27hb Januari, 1979, Pendaftaran telah bertindak dengan betul dan wajar apabila beliau mengeluarkan perintah kepada AEU untuk memberi sebab kenapa Sijil Pendaftarannya tidak sepatutnya dibatalkan atau ditarik balik. Tindakan-tindakan ini di ambilnya setelah beliau berpuashati bahawa AEU dengan sengaja telah melancarkan tindakan perusahaan haram yang berjalan pada masa itu, atau AEU tidak; berupaya atau tidak mahu menahan ahli-ahlinya dari menjalankan tindakan haram yang telah mengakibatkan kekecohan dalam pengurusan MAS, kehilangan hasil, mencemarkan imej negara dan juga penentangan undang-undang secara beramai-ramai.

Perintah larangan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adalah perlu, berikutan dengan notis 'tunjuk sebab' yang dikeluarkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja itu. Dalam suasana ketika itu, notis pendaftaran Kesatuan Sekerja itu tidak akan memberi kesan jika ia tidak disusuli dengan perintah larangan yang diperlukan bagi mengelakkan Kesatuan dari menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh memburukkan lagi keadaan pada masa itu dan juga untuk mengelakkan Kesatuan dari membelanjai wang Kesatuan bagi menjalankan tindakan perusahaan haram.

Kedua-dua, Pendaftar Kesatuan Sekerja dan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah bertindak mengikut apa yang diperlukan oleh Undang-undang dan untuk kepentingan awam. Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang telah sekali lagi melibatkan dirinya dalam memutar belitkan faktor dan undang-undang, yang sebagaimana kita maklum, telah biasa dibuatnya.

PENGLIBATAN PEGAWAI TRAFIK SIA DENGAN MAS

43. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Pegawai trafik SIA yang berpangkalan di Subang yang terlibat dalam tindakan mogok haram pekerja-pekerja MAS itu adalah seorang warganegara Malaysia atau tidak. Sekiranya tidak, nyatakan adakah ia telah menjalankan tugasnya yang bertentangan dengan kepentingan negara, dan sama ada ia boleh dianggap sebagai anasir yang tidak diingini dan boleh dibuang negeri. Jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pegawai Trafik yang berkenaan adalah seorang warganegara Malaysia. Oleh kerana ia seorang warganegara, masalah membuang negeri beliau tidak timbul sama sekali.

KERUGIAN MAS OLEH TINDAKAN PEKERJA

44. Tuan Alias bin Mohamad Ali minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kerugian yang dialami oleh MAS semenjak tindakan perusahaan secara haram yang dijalankan oleh anggota-anggota Kesatuan Pekerja-pekerja Penerbangan sehingga hari ini;
- (b) jumlah yang hendak dibayar dalam setahun kiranya tuntutan yang dibuat oleh kesatuan itu dipenuhi;
- (c) bilangan pekerja yang telah diambil tindakan tatatertib dan jenis tindakannya; dan
- (d) langkah-langkah yang telah diambil untuk menghadapi kemungkinan tindakan perusahaan yang diambil oleh Pekerja-pekerja Pelabuhan Kelang dan memberikan sokongan ke atas tindakan Kesatuan Pekerja-pekerja Penerbangan MAS itu.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Jawapan bagi soalan ini telah saya jelaskan semasa saya menjawab pertanyaan mulut Ahli Yang Berhormat dari Panti.
- (b) Sekiranya semua tuntutan yang dibuat oleh Kesatuan itu diterima maka pihak MAS terpaksa mengadakan tambahan perbelanjaan sebanyak \$49 juta setahun.

(c) Setakat ini seramai 213 orang kakitangan MAS telah digantung kerja atas kesalahan yang dilakukan oleh mereka dalam tindakan perusahaan haram baru-baru ini. Di antara yang digantung kerja itu, 48 telah diterima balik bekerja setelah mereka membuat rayuan dan siasatan di atas kesalahan mereka telah dijalankan. 115 orang telah diberhentikan kerja dan sebahagian besar daripada mereka ini telahpun membuat rayuan untuk diterima balik dan rayuan itu sedang dikaji oleh Lembaga Pengarah Syarikat MAS, siasatan tatatertib akan dijalankan terhadap 50 orang yang lain itu.

(d) Lembaga Pelabuhan Kelang memang ada rancangan kecemasannya (contingency plan) jika perlu digunakan.

PERTIKAIAN MAS-PEKERJA

45. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab berlakunya pertikaian Sistem Penerbangan Malaysia baru-baru ini;
- (b) sama ada benar bahawa pengendalian yang tidak wajar di pihak Kerajaan telah mengusutkan lagi keadaan ini; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan pertikaian ini secara aman.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Sebab-sebab berlakunya pertikaian MAS dengan Kesatuan AEU baru-baru ini ialah kerana persetujuan tidak dapat dicapai di atas Perjanjian Sekumpul yang telah tamat tempohnya pada bulan Mei 1978 mengenai tanggagaji, elaun, dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan 'graded staff' MAS. Oleh kerana persetujuan itu tidak dapat dicapai, maka pihak Kesatuan telah mengambil tindakan perusahaan haram dengan cara memulaukan kerja lebih masa dan juga menjalankan kerja mengikut aturan.
- (b) Adalah tidak benar bahawa campur tangan pihak Kerajaan telah mengusutkan lagi keadaan yang berlaku itu. Pihak Kerajaan cuma mengambil

tindakan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dalam Negara.

- (c) Berbagai ikhtiar telah dan sedang dijalankan untuk menyelesaikan pertikaian itu, dan ini termasuk tindakan undang-undang dan juga tindakan oleh pihak Majikan MAS sendiri.

PERKHIDMATAN MAS DI SABAH/ SARAWAK

46. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang merebaknya perasaan tidak puashati mengenai perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) di Sabah dan Sarawak berkaitan dengan peneilaian harga dan pengurusan kargo;
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini; dan
- (c) samada menjadi dasar Kerajaan semata-mata untuk mendapat keuntungan dari penerbangan dalam negeri di Malaysia Timur dan penerbangan ke Sinagapura. dan jika ya, mengapakah tambangnya terlalu tinggi.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Saya tidak sedar tentang merebaknya perasaan tidak puas hati mengenai perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia di Sabah dan di Sarawak berkaitan dengan harga dan pengurusan kargo. Saya berpendapat kadar tambang kargo di Sabah dan Sarawak adalah menasabah dan sederhana jika dibanding dengan di Semenanjung Malaysia. Misalnya jarak jauh bagi sekitar Kuala Lumpur—Kuantan ialah 122 batu sama seperti jarak jauh di antara Kuching ke Sibiu. Kadar sebati bagi satu kilo di antara Kuala Lumpur—Kuantan adalah 0.00401 berbanding dengan kadar sebati bagi satu kilo di antara Kuching—Sibiu sebanyak 0.00400 sen.
- (b) Memandangkan kepada jawapan kepada soalan (a) tadi maka soalan (b) tidak timbul lagi.
- (c) Di sini mahu saya tegaskan bahawa bukanlah menjadi dasar Kerajaan

semata-mata untuk mendapatkan keuntungan dari penerbangan MAS dalam negeri. Tetapi pada keseluruhannya MAS adalah diharapkan akan dapat berusaha supaya memperoleh keuntungan daripada perkhidmatannya.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1978)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

Akta Reformasi Tanah 1979

3.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1) mengizinkan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk mengemukakan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Akta Reformasi Tanah 1979 untuk menetapkan setakat mana tanah pertanian boleh dimiliki oleh orang-orang sebagai satu langkah berkesan untuk memerangi masalah ketidakadanya tanah dan 'Absentee Landlordism' yang merupakan sebab utama adanya kemiskinan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebab asas yang mengakibatkan kemiskinan Melayu di luarbandar ialah yunit pertanian yang tidak berekonomi dan tidak dimiliki oleh petani itu sendiri. Bancian Pertanian tahun 1960 menunjukkan bahawa bagi tahun yang berkenaan 59 peratus kebun-kebun di bawah 4 ekar sedangkan 90 peratus daripadanya adalah di bawah 10 ekar. Dalam bidang penanaman padi pula, 54 peratus bendang-bendang itu di bawah 2¾ ekar sedangkan 97

peratus daripada tanah tersebut kurang dari 10 ekar. Di samping itu lebih dari 80 peratus kawasan sawah itu bukan dimiliki oleh mereka yang mengerjakan bendang-bendang tersebut yakni bendang itu dikerjakan oleh orang-orang yang bukan tuannya tanah.

Di kawasan-kawasan luarbandar di Malaysia dua golongan yang paling miskin ialah pekebun-pekebun kecil getah dan penanam-penanam padi. Rancangan Malaysia Ketiga mengakui hakikat ini dan rancangan tersebut juga mengandungi rancangan-rancangan untuk membantu kedua-dua golongan ini seperti dengan meningkatkan pengeluaran getah para pekebun-pekebun kecil dengan memperbaiki cara-cara penanaman dan teknik-teknik menoreh serta juga dengan memperluaskan kemudahan-kemudahan 'processing' dan sumber-sumber pasaran; dan dalam kes penanaman-penanaman padi pula, kemudahan taliair diperluaskan untuk meninggikan bilangan 'double-croppers' di kalangan penanaman-penanaman padi dan juga Kerajaan memberikan berbagai-bagai bantuan pertanian serta menyokong mendapatkan harga yang baik untuk beras.

Tetapi, malangnya, Kerajaan telah secara menyeluruh tidak memperdulikan satu aspek kemiskinan luarbandar yang paling penting iaitu yunit pertanian yang tidak berekonomi dan masalah ketidakadanya tanah. Oleh kerana tidak ada reformasi-reformasi struktural dalam hak terhadap harta di mana pemilikan tanah boleh diberikan kepada penanam-penanam secara langsung maka orang-orang utama yang menikmati keuntungan dari bantuan Kerajaan dan dari pelaburan dan pembiayaan awam seperti projek-projek taliair berharga berjuta-juta ringgit malah juga dari harga beras yang disokong oleh Kerajaan adalah 'absentee landlords'. Dan ini pada hakikatnya mewujudkan lebih ketidakadilan. Usaha Kerajaan untuk meninggikan bayaran untuk beras memaksa para pengguna termasuk rakyat miskin dari semua kaum membayar harga yang tinggi untuk beras dan orang yang benar-benar memperoleh keuntungan ialah 'absentee landlords'.

Dalam sektor padi, Kerajaan telah memperbuat undang-undang "Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure)

Ordinance yang bertujuan melindungi penanam-penanam yang menyara tanah tetapi Ordinan yang diperbuatkan dalam tahun 1955 ini dan dipinda pula dalam tahun 1967 telah terbukti tidak berkesan. Sejak Bancian Pertanian tahun 1960 diadakan, masalah penanam-penanam yang menyewa tanah di dalam sektor penanam padi telah menjadi lebih rumit.

Pada bulan November tahun lalu, satu kumpulan penanam-penanam padi di Mergong, Kedah, telah menggunakan kayu, cangkul dan parang untuk mempertahankan tanah yang dikerjakan oleh mereka selama lebih dari 20 tahun dari diambil alih oleh Kerajaan Negeri yang hendak membina sebuah kilang di kawasan tersebut. Kes ini menggambarkan dengan jelas ketidakadanya 'security of tenure' para penanam-penanam padi itu.

Penanam-penanam yang menyewa tanah tidak ada apa-apa insentif untuk meninggikan intensity dan 'input' kerja mereka itu. Dan Negara kita telah membuktikan bahawa sungguhpun terdapat usaha-usaha untuk memperbaiki teknologi dalam bidang pertanian serta meningkatkan pengeluaran padi, kita pasti tidak akan dapat menikmati hasil yang lebih selagi tidak ada apa-apa reformasi tanah yang radikal yang bertujuan mewujudkan perhubungan di antara manusia dengan tanah yang tidak akan menghalang insentif seseorang petani untuk bekerja dan melaburkan sekurang-kurangnya penat bekerjanya sendiri.

Penerokaan tanah oleh Felda dan skim-skim Kerajaan yang lain telah tidak menghapuskan ataupun menyumbang ke arah memerangi masalah ketidakadanya tanah dan yunit pertanian yang tidak berekonomi di dalam sektor menanam padi. Masalah ketidakadanya tanah dan yunit pertanian yang tidak berekonomi hanya boleh diselesaikan dengan mengadakan reformasi-reformasi tanah yang radikal di dalam sektor menanam padi dengan tujuan memberikan tanah kepada mereka yang mengerjakan tanah itu yang akan menentukan bahawa (1) pemilikan tanah pertanian terhad kepada petani-petani yang tulen sahaja; dan (2) harus ditetapkan setakat mana tanah pertanian boleh dimiliki secara individu oleh seorang petani ataupun oleh sebuah keluarga yang bertani berdasarkan kepada kemampuan untuk mengerjakan tanah tersebut.

Untuk sebab inilah iaitu untuk mengatasi sebab-sebab asas yang mengakibatkan kemiskinan luarbandar di kalangan petani-petani kaum Melayu dan golongan-golongan miskin yang lain di dalam bidang padi, saya sekarang meminta izin Dewan ini untuk mengemukakan suatu rang undang-undang Ahli Persendirian bernama "Rang Undang-undang Reformasi Tanah 1979" yang bertujuan untuk menetapkan setakat mana tanah pertanian boleh dimiliki oleh orang-orang berdasarkan kepada keupayaan petani atau keluarga petani ini untuk mengerjakan tanah tersebut yang akan menghapuskan kelas hisap darah 'absentee landlords' ini.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberi penjelasan, kerana usul Ahli Yang Berhormat tadi menyentuh Kementerian saya, penjelasan dari segi undang-undang dan Perlembagaan supaya Tuan Yang di-Pertua dapat menimbangkan selepas saya memberi penjelasan sama ada Tuan Yang di-Pertua mustahak juga mengemukakan ke Dewan ini supaya dapat izin atau Tuan Yang di-Pertua boleh memutuskan menolak sahaja selepas saya memberi penjelasan. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya saya hendak membuat satu keputusan iaitu ruling tetapi untuk memberi penjelasan, saya silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya percaya ialah di bawah Artikel 76 (4) yang mana diberinya kuasa Parlimen membuat Undang-undang untuk negeri-negeri dalam hal-hal tertentu.

Artikel 76 (4) menyatakan:

Parlimen boleh, bagi maksud hanya menentukan persamaan undang-undang dan dasar, membuat undang-undang mengenai pemegangan tanah, perhubungan antara tuan-tanah dengan penyewa, pendaftaran hakmilik dan suratikatan

berhubung dengan tanah, pindamilik tanah, gadaijanji, pajakan dan gadaian mengenai tanah, ismen dan lain-lain hak dan kepentingan mengenai tanah, mengambil tanah dengan paksa, mengenai kadar dan penilaian tanah, dan Kerajaan tempatan;.....”

Saya rasa usul ini dibawa dari segi Artikel 76 (4). Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bukan semua rang undang-undang yang dibawa oleh Ahli-ahli Persendirian di Dewan ini terus dikemukakan dan diberi izin kerana ada syarat-syarat lain. Bagi makluman Dewan ini, semua undang-undang semenjak kita merdeka hingga sekarang yang dibawa dalam Parlimen ini di bawah Artikel 76 (4) tadi adalah tertakluk kepada Artikel 91 (5) dan (6). Artikel 91 ialah berkenaan dengan Majlis Tanah Negara. Izinkan saya membacanya:

“91 (1). Maka hendaklah ada suatu Majlis Tanah Negara yang mengandungi seorang Menteri.....” dan pendek kata 10 orang wakil daripada Kerajaan Persekutuan dan 11 orang wakil daripada Kerajaan Negeri.

- (5) Adalah menjadi kewajipan Majlis Tanah Negara membentuk dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara, suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi maksud perlombongan, pertanian—saya ulangi lagi—bagi maksud pertanian, perhutanan dan apa-apa maksud lain, dan untuk mentadbirkan apa-apa undang-undang mengenainya; dan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah mengikut dasar yang dibentuk itu.
- (6) Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri boleh berunding dengan Majlis Tanah Negara mengenai apa-apa perkara lain berhubung dengan penggunaan tanah atau mengenai apa-apa undang-undang yang dicadangkan mengenai tanah atau mengenai pentadbiran mana-mana undang-undang itu, dan adalah menjadi kewajipan Majlis Tanah Negara menasihatkan Kerajaan itu—bermakna Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan—mengenai mana-mana perkara itu.

Ini bermakna mengikut apa yang kita telah jalankan di sini, misalnya Kanun Tanah Negara dahulu dibuat selepas diluluskan oleh Majlis Tanah Negara dan sehingga hari ini walau hendak meminda satu perkataan sekalipun dalam Kanun Tanah Negara atau Land Aquisition Act, Akta Pengambilan Tanah secara paksa tadi hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara untuk ditimbang oleh Majlis Tanah Negara itu yang mana semua Kerajaan Negeri ada wakilnya daripada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri. Dengan cara itu, Tuan Yang di-Pertua, dapatlah pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat daripada Kerajaan-kerajaan Negeri kerana tanah ini adalah kuasa Kerja Negeri. Kerajaan Negerilah yang mentadbirkannya, dialah yang menjalankan segala-galanya sama ada hendak mengeluarkan tanah berapa ekar seorang, menghadkan berapa ekar seorang. Kalau tiada kerjasama daripada Kerajaan Negeri semuanya tidak boleh berjalan. Apapun yang di bawah Artikel 76 (4) tadi, apa juga rang undang-undang sekalipun dikemukakan oleh siapa juapun, hendaklah terlebih dahulu bil itu dikemukakan dalam Majlis Tanah Negara. Tetapi kalaulah dengan cara ini, bil ini dikemukakan di sini; kalau Majlis Dewan ini boleh mengizinkan, diluluskan pula dan dibaca kali yang pertama, kedua dan ketiga, apa akan terjadi? Tidakkah ini akan bercanggah dengan Artikel 96 (4), (5) dan (6). Dari segi ini, Tuan Yang di-Pertua, nampak saya bil ini patut dibentangkan di Parlimen sebelum mendapat persetujuan atau dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan hujah-hujah sebab mengapa bil ini patut dibentangkan, saya minta izin untuk memberi penjelasan mengenai hujah-hujah itu supaya kalau boleh lain kali tidak payahlah Ahli Yang Berhormat membawa usul-usul seperti itu.

Ahli Yang Berhormat mengingatkan kembali bahawasanya saya telahpun menerangkan dalam Dewan yang mulia ini pada 6hb November, 1978 dahulu mengenai Malaysia tidak perlu mengambil tindakan untuk mengadakan reformasi tanah bagaimana yang telah dilaksanakan di setengah-setengah negeri. Kalau diizinkan, saya akan terangkan sebahagian daripada sebabnya.

Kemiskinan di luar bandar telah dikaji dengan telitinya oleh para cendekiawan dan agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu. Daripada hasil kajian-kajian pakar tersebut dengan mendalam satu perkara yang timbul dengan nyata bahawa kemiskinan di luar bandar tidak dapat diterangkan dan tidak pula ianya disebabkan oleh satu-satu sebab sahaja. Ia sebenarnya disebabkan oleh beberapa faktor, kemiskinan ialah berbagai segi dan terlalu kompleks dan ianya memerlukan pendekatan dan berbagai disiplin dan cara untuk menghapuskannya.

Kerajaan telah mengakui bahawa masalah kemiskinan kenalah diselesaikan melalui beberapa segi satu persatu dan berbagai program telah dikemukakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan kita bincangkan pada mesyuarat kali ini. Beribu juta akan dicurahkan wang itu untuk membasmi kemiskinan di luar bandar.

Sebelum kita boleh membetulkan cara pembasmian kemiskinan kita terpaksa mengetahui punca yang bersangkutan dengan keadaan masyarakat kita ini. Kita tidak harus meminjam cara-cara penyelesaian yang mungkin hanya sesuai dengan negara-negara lain tetapi tidak sesuai bagi negara kita, tidak sesuai bagi masyarakat dan cara hidup kita. Saya tahu ada negara-negara telah mewujudkan Undang-undang Reformasi Tanah. Memang perkara itu ada berlaku yang telah menghadkan pemegangan tanah pertanian. Boleh jadi cara penyelesaian itu adalah sesuai bagi negara itu sahaja. Tetapi keadaan negeri kita ini tidak memerlukan penyelesaian secara itu. Saya tidak mahu sebut negeri-negeri itu yang pada masa dahulu sama ada rajanya atau pemerintahan yang berkuasa memberi hadiah kepada hulubalang yang menang perang dan lain-lain beribu-ribu ekar, yang ada pula beratus-ratus batu persegi tanah diberi kepada perseorangan.

Tuan Yang di-Pertua: Zaman silam dahulu.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Ya. Banyak (*Ketawa*). Lepas itu didapati semua rakyat yang ada di Kurun yang Kedua Puluh ini semua menjadi pekerja di atas tanah itu dan menyewa di atas tanah itu. Itu yang hendak dirampas balik dan dibahagi. Mana ada negeri kita macam itu? (*Ketawa*)

Saya mengaku bahawa banyak petani-petani yang miskin yang tidak mempunyai tanah. Kerajaan sedar dan mereka itu berkerja di atas tanah yang luasnya tidak

ekonomik. Kita tahu. Cara penyelesaian kita dalam hal ini untuk menggalakkan perpindahan daripada kawasan yang miskin itu dengan penduduk yang lebih ramai di kawasan pembangunan tanah yang baru dimajukan dalam FELDA, FELCRA, RISDA atau pun kawasan pembangunan Wilayah, DARA, KEJORA, KETENGAH, KESEDA semua di bawah Kementerian saya (*Ketawa*). Itupun tidak sedar lagi? Sudah sedarpun. Hari ini kita tidak dapat pemilik-pemilik tanah perseorangan yang mempunyai tanah yang luas dalam sektor penanaman padi dan sektor pekebun-kecil getah. Saya duduk empat tahun di negeri Kedah, tidak berapa kerat orang di sana yang mempunyai lebih daripada 20 relong. Saya kenal juga orang itu. Dan dia sudah lama, memang baik dengan orang-orang di kampung itu dan sememang sudah dipajak tanah itu macam anak, macam keluarga kepada dia. Tidak berapa orang yang ada beratus relong tanah sawah. Kalau adapun cara macam itu ada satu tabung kita sediakan, Tabung Lembaga Pembelian Tanah Padi. Kalau tidak salah yang mana kalau ada orang hendak menjual tanah kita beli tanah itu dengan wang ini, kemudian kita berikan kepada mereka yang tiada tanah dan juga yang bekerja di atas tanah itu, bayar balik beransur-ansur dalam 10 tahun, apabila habis hutang diapun terus dapat tanah itu dengan syarat tuan tanah itu bersetuju menjualkannya. Tetapi kalau ada cadangan untuk mereformasi tanah hendak rampas, ambil tanah-tanah yang lebih daripada sepuluh ekar, diberi kepada orang yang tidak bertanah itu, parang panjang akan naik, itu yang bahaya. Tetapi terpaksa juga dibeli tanah itu. Kalau hendak beli pula, kita ada Perlembagaan, kita tidak boleh paksa ambil, kalau hendak beli kita terpaksa bayar dengan harga yang berpatutan mengikut market value. Perkara ini kita akan kaji dari semasa ke semasa tetapi tidaklah dengan menjalankan undang-undang reformasi ini. Ini sahaja cara yang boleh kita jalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup penjelasan Yang Berhormat?

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Sedikit lagi. Oleh yang demikian maka strategi yang diamalkan oleh Kerajaan negara kita adalah merupakan peninggian pengeluaran baik dalam sektor pengeluaran padi ataupun pekebun kecil dan juga telah meningkatkan pendapatan dalam sektor pengeluaran bahan eksport. Untuk maksud ini maka telah

dijalankan usaha termasuk penubuhan Lembaga Persatuan Peladang, RISDA, FAMA dan lain-lain yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membantu petani-petani itu.

Dengan penerangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kalau boleh Ahli Yang Berhormat dan lain-lain janganlah membawa lagi satu bil atau usul untuk refomasi tanah lagi. Saya banyak kali telah menjawab dalam Dewan ini. Itulah penjelasan yang saya hendak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Menteri ada menyentuh dari segi Perlembagaan, bolehkah saya memberi sedikit teguran mengenai perkara ini sebelum satu keputusan dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua? Saya bukan mahu jawab hujah-hujah sungguhpun hujah-hujah itu yang menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri mengakui hujah-hujah Perlembagaan tidak berasas, sebab itu beliau jawab, tetapi saya mahu menerangkan sedikit mengenai perkara ini sebelum satu keputusan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh membantu saya dalam membuat keputusan?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan! Saya mahu sentuh Perkara 91 (6) sungguhpun kita semua tahu perkara tanah ialah satu perkara dalam lingkungan State. Oleh kerana saya ada edition Inggeris saya minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bacakan:

“91 (6) The Federal Government or the Government of any State may consult the National Land Council in respect of any other matter relating to the utilisation of land or in respect of any proposed legislation dealing with land”

Masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri ialah punca atau origin of proposed legislation dan bukan seperti beliau ada sebut dalam 91 (5) bahawa semua perbincangan mengenai tanah sama ada perlu untuk mengadakan satu proposed legislation mesti terbit atau originate daripada National Land Council. Fasal 91 (6) menunjukkan bahawa ia boleh originate daripada Federal Government atau lain-lain tempat dan kalau Dewan ini rasa bahawa ada sebab kenapa Private Member's Bill yang saya cadangkan

perlu dikaji dengan mendalam mengikut Standing Orders, perkara ini boleh diserahkan kepada Menteri dan tentulah perkara dalam peringkat itu akan direfer oleh Kerajaan Federal kepada National Land Council oleh kerana kalau kita tidak boleh terima hujah-hujah ini tidak seorang boleh originate atau memulakan fikiran-fikiran mengenai proposed legislation. Sebab itu saya kata usul saya tidak bercanggah dengan Perlembagaan, bahawa kita buat satu keputusan mengenai Private Member's Bill oleh kerana sungguhpun kita buat satu keputusan perkara ini tentulah mesti mengikut Perlembagaan dan direfer kepada National Land Council oleh Menteri yang berkenaan.

Menteri Undang-undang (Dato Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak kemukakan untuk perbahasan!

Dato Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Saya hendak memberi penjelasan dari segi undang-undang mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya berpendapat perkara perenggan (6) ini mesti dibaca bersama-sama dengan (5). 91 (5) says:

“It shall be the duty of the National Land Council to formulate from time to time in consultation with the Federal Government, the State Governments and the National Finance Council a national policy.....”

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam usul ataupun motion ini adalah menyentuh perkara national policy. Itu memang tujuannya sudah terang mengadakan satu undang-undang yang meliputi seluruh negara yang boleh dianggap sebagai satu national policy. Jadi itu yang saya kata (6) ini mesti dibaca dengan (5).

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Beri jalan?

Dato Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Beri.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun mengikut 91 (5) “It shall be the duty of the National Land Council to formulate a national policy”, bolehkah kuasa di bawah (5) ini bermula

daripada (6) di mana perkara ini direfer kepada National Land Council oleh Federal Government dan National Land Council formulates a national policy, oleh kerana National Land Council cannot operate in a vacuum.

Dato Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Sebagaimana saya kata tadi (5) mesti dibaca dengan (6), kerana (5) memerlukan bahawa National Land Council mesti bertanggungjawab dalam perkara menetapkan sesuatu dasar nasional. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini perkara nasional, itu mesti didahulukan, kemudian baru datang (5) dan (5) itu kalau jadi sebagaimana yang saya kata tadi ini adalah tanggungjawab National Land Council bila diminta pendapat daripada National Land Council dia mesti memberi pendapat. Saya berpendapat (5) dan (6) mesti dibaca sama, jangan diasing-asingkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah meneliti usul yang dikemukakan di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1) ini dan saya telah mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Petaling mengenai usul ini. Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat iaitu menurut Seksyen 40 National Land Code bagi Semenanjung Malaysia dan peruntukan yang sama bagi Sabah dan Sarawak, semua tanah kepunyaan negeri dalam sesebuah negeri tertakluk di bawah Pihakberkuasa Negeri dan menurut Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, tanah adalah perkara negeri yang mempunyai kuasa Executive dan Perundangan. Hal ini diperkuatkan lagi oleh Jadual Kesembilan (Ninth Schedule) Senarai Negeri (State List) dalam Perlembagaan yang mengatakan, antara lain, pada perenggan 2 (a):

2. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Tanah Melayu, tanah, termasuk—

(a) Pemegangan tanah; perhubungan antara tuantanah dengan penyewa; pendaftaran hakmilik dan suratikatan mengenai tanah; penerokaan, kemajuan tanah dan memelihara tanah; sekatan sewa.”

Perkara 91 Perlembagaan pula mengadakan satu Majlis Tanah Negara yakni National

Land Council mengandungi seorang Menteri sebagai pengerusi, seorang wakil dari tiap-tiap satu Negeri yang dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri dan tidak lebih daripada sepuluh orang wakil yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Tugas Majlis ini ialah untuk mengadakan dari satu masa ke satu masa satu dasar nasional bagi memajukan dan mengawal penggunaan tanah seluruh Persekutuan bagi maksud perlombongan, pertanian, perhutanan dan maksud-maksud yang lain setelah mengadakan perundingan dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara.

Tadi saya telah mendengar dan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara tentang penafsiran Perkara 91 Perlembagaan dan juga penafsiran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Petaling tentang Perkara 91 (5) dan (6). Saya berpendapat iaitu selain daripada ini, Perkara 76 Perlembagaan memang memberi kuasa kepada Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa jua yang disenaraikan di dalam Senarai Negeri (State List) tetapi hanya apa yang tersebut di dalam Perkara-perkara 76 (1), 76 (2) dan 76 (3) dan perkara yang berhubung dengan tanah ialah Perkara 76 (4) iaitu bagi maksud menentukan persamaan undang-undang dan dasar.

Walaupun penjelasan yang diberikan oleh kedua-dua pihak tadi bertentangan dan pihak Ahli Yang Berhormat mengemukakan usul ini berpendapat bahawa Perkara 91 (6) itu adalah satu fasal yang berasingan daripada fasal-fasal yang lain di dalam Perkara 91 itu, saya berpendapat iaitu perkara tersebut hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Majlis Tanah Negara.

Oleh yang demikian itu jelaslah bahawa usul Yang Berhormat dari Petaling itu didapati bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan menurut fasal-fasal yang saya sebutkan tadi dan juga National Land Code.

Dengan ini, saya putuskan bahawa usul ini tidak boleh dibenarkan untuk dibahaskan dan dikemukakan bagi diputuskan oleh Dewan ini.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini akan ditangguhkan hingga hari esok jam 2.30 petang sebaik-baik sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selesai membentangkan Usul atas namanya berkenaan dengan Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga di Dewan Rakyat pada petang ini.

Menteri Undang-undang (Dato Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini akan ditangguhkan hingga hari esok jam 2.30 petang sebaik-baik sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selesai membentangkan Usul atas namanya berkenaan dengan Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga di Dewan Rakyat pada petang ini.

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

4.11 ptg.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengemukakan usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan penggal pertama Rancangan Malaysia Ketiga; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara; meluluskan dan menyetujui Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangka untuk meliputi program-program dan langkah-langkah dasar, bertujuan mempergiatkan

pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 13, tahun 1979. Bahawa dalam meluluskan Kajian Semula ini, Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, pada 19hb Julai 1976, saya telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga bagi tempoh 1976-1980 untuk pertimbangan dan persetujuan Dewan yang mulia ini. Ketika membentangkan Rancangan itu, saya telah mengakhiri ucapan saya dengan menyatakan bahawa:

“Tugas-tugas pembangunan socio-ekonomi yang kita laksanakan adalah penuh dengan cabaran, lebih-lebih lagi memandangkan keadaan keselamatan negara yang kita hadapi sekarang. Sambil memandang masa depan dengan penuh keyakinan. Kita mestilah melakukannya dengan tepat ketika kita bergerak menuju ke arah matlamat-matlamat akhir yang diharapkan. Kita tidaklah boleh mengambil jalan ringkas, sekiranya kita hendak membangun atas asas-asas yang terjamin. Kita tidaklah boleh berpuas hati dengan apa yang telah dicapai selama ini. Kita tidak boleh lalai dan berasa puas dari apa yang telah diperolehi.

Sambil kita membangun, kita mestilah, pada masa yang sama, berhati-hati terhadap anasir-anasir yang boleh melemahkan dan yang ujud di kalangan kita. Kita mestilah bersedia berkorban dan mengekalkan usaha-usaha untuk mengatasi anasir-anasir ini. Perpaduan negara dan cara hidup kita adalah perkara yang terlalu penting untuk diabaikan-abaikan.

Adalah perlu bagi kita untuk sentiasa mengingati bahawa pencapaian keamanan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat berbilang kaum bukanlah terletak semata-mata kepada usaha-usaha sahaja. Ia hanya akan dicapai dengan adanya tanggungjawab penuh oleh semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, kebudayaan dan ugama terhadap tiga matlamat iaitu membasmi kemiskinan menyusun semula masyarakat dan

menjamin keselamatan negara. Kerajaan sendiri akan memberikan pimpinan bagi mengadakan rangka dasar awam dan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Rakyatlah yang patut mencapainya. Sudah pasti bahawa apa yang kita hajatkan ialah sebuah masyarakat yang maju yang beroreintasikan kemajuan dan kejayaan, iaitu sebuah masyarakat yang teguh, yang didorong dan bertanggungjawab kepada matlamat-matlamat negara, sebuah masyarakat yang berdikari dengan penduduknya saling bergantung di antara satu sama lain dan berganding-bahu dengan Kerajaan untuk kebaikan bersama.

Saya menyeru Dewan ini dan Rakyat negara ini supaya memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga."

Tuan Yang di-Pertua, itulah pesanan saya pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan biasa, pada hari ini kita membentangkan di Dewan yang mulia ini satu kajian pelaksanaan Rancangan itu sehingga ke penghujung tahun 1978. Kita berbuat demikian supaya Dewan ini, dan sesungguhnya seluruh negara, dapat mengetahui akan pencapaian kita sehingga ini; supaya negara tahu akan kelemahan, kekurangan, ketinggalan yang berlaku dan masalah yang dihadapi dan tindakan yang telah dan akan dibuat bagi mengatasinya. Enam hari telah diperuntukkan bagi perbahasan usul ini dan dua hari untuk jawapan oleh Menteri-menteri.

Secara amnya, pencapaian yang terdapat dalam tempoh Kajian ini memberi keyakinan kepada kita terhadap pertumbuhan dan ketahanan ekonomi kita. Walaupun, pertumbuhan ekonomi dunia terus lembab, negara kita berjaya mempertahankan perkembangannya yang pesat serta kestabilan politik dan sosial terus berkekalan. Perkembangan pendapat dan pekerjaan, seperti yang terkandung di dalam Kajian Separuh Penggal, telah melebihi jangkaan kita. Ini bermakna bahawa kemajuan telah tercapai dalam usaha kita untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kita juga telah dapat mengawal kadar inflasi kepada tingkat yang menasabah. Kenaikan harga barang

pengguna telah dapat dikurangkan kepada kadar 4.1 peratus bagi tempoh 1976-1978 berbanding dengan 10.8 peratus bagi tempoh 1973-1975. Akibatnya ialah taraf hidup kumpulan pendapatan rendah meningkat lebih tinggi lagi dan mereka lebih giat mengambil bahagian dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan-kejayaan kita dalam tempoh Kajian ini sepatutnya lebih tinggi lagi jikalau tidak disebabkan oleh pemulihan yang lembab di sektor swasta dan akibat kemarau ke atas pengeluaran pertanian dalam dua tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, kita beruntung kerana kelemahan ini dapat diimbangkan oleh prestasi eksport yang baik dan penambahan perbelanjaan pembangunan awam. Penambahan ke atas perbelanjaan pembangunan awam, terutamanya oleh Kerajaan Persekutuan, membuktikan dengan jelas tekad kita mencapai kemajuan sosio-ekonomi seberapa cepat yang mungkin.

Kemajuan ekonomi yang berterusan telah mengekalkan kestabilan sosial dan politik di negara kita dan ini telah dapat membantu usaha-usaha kita mewujudkan perpaduan nasional. Dengan pimpinan Kerajaan yang berkesan dalam pembangunan ekonomi, pemeliharaan undang-undang dan ketenteraman awam segala pengawalan yang tegas ke atas ancaman dan tindakan pengganas komunis, satu sikap dan kepercayaan baru telah ujud di kalangan rakyat. Perkembangan yang sangat menggalakkan ini amatlah berbeza dengan keadaan dalam tahun 1975 dan 1976 di mana terdapat kebimbangan dan keraguan mengenai keadaan keselamatan dan politik dalam negeri ini. Kematangan rakyat serta kesederhanaan dan kesabaran mereka dalam menghadapi ketegangan dan konflik dengan jelas menunjukkan bahawa rakyat menghargai keamanan, keharmonian dan kemajuan. Ia ternyata dalam keputusan pilihanraya yang lepas. Kerajaan diberi majoriti yang besar dan mandat yang jelas; Kerajaan akan menunaikan janji-janjinya.

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang menjadi tanda tanya oleh setiap orang baik di dalam Dewan ini mahupun di luar, ialah: "Apakah yang telah kita capai dalam tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga?" Saya tidaklah berhasrat hendak menerangkan

satu persatunya kejayaan yang telah dicapai kerana segala butir-butir lanjut ada dinyatakan dalam Kertas Perintah Bilangan 13 Tahun 1979 yang dibentangkan di Dewan ini. Tetapi, izinkan saya menyentuh beberapa perkara penting sahaja.

Kajian Separuh Penggal ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia pada keseluruhannya berkembang dengan kadar 8.7 peratus setahun, mengikut harga tetap, bagi tempoh tiga tahun lalu. Ini adalah melebihi matlamat asal Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu 8.4 peratus setahun. Pertumbuhan ekonomi telah meningkatkan pendapatan per capita, mengikut harga tahun 1970, daripada \$1,304 dalam tahun 1975 kepada \$1,644 dalam tahun 1978. Sejumlah 474,000 pekerjaan baru telah diwujudkan dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran daripada 7 peratus dalam tahun 1975 kepada 6.2 peratus dalam tahun 1978.

Kita telah mencapai kemajuan yang memuaskan dalam usaha kita mengurangkan kemiskinan. Pada keseluruhannya, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurangan daripada kira-kira 44 peratus dalam tahun 1975 kepada kira-kira 37 peratus dalam tahun 1978. Ini telah menguntungkan penduduk-penduduk miskin di dalam dan di luar bandar. Kemiskinan di luar bandar telah dapat dikurangkan dengan kenaikan harga barangan utama seperti getah dan minyak sawit, serta juga kesan program-program pembangunan yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran di sektor luar bandar. Program-program ini telah diperluaskan lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga supaya lebih ramai rakyat mendapat peluang untuk menambahkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Di sini saya ingin menyebutkan dengan ringkas beberapa aspek penting mengenai usaha-usaha pembangunan kita untuk mengurangkan kemiskinan:

- (a) Lebih dari 647 ribu ekar tanah baru telah dibuka oleh agensi-agensis sektor awam. Ini telah menempatkan kira-kira 43,600 keluarga yang tidak mempunyai tanah dan menampung buruh luar bandar yang tidak bekerja sepenuh. FELDA sahaja telah memajukan lebih

dari 314 ribu ekar tanah dan menem-
patkan kira-kira 19,800 keluarga.

- (b) Sejumlah 308 ribu ekar telah dibekalkan dengan kemudahan parit dan taliair.
- (c) Sejumlah 191 ribu ekar getah, kelapa dan nenas telah ditanam semula dengan benih yang baik.
- (d) Sejumlah \$297 juta telah diberi secara kredit dan subsidi kepada pekebun-pekebun kecil dan nelayan bagi mempercepatkan lagi pemodenan sektor pertanian.
- (e) Sejumlah 500 batu jalan negeri telah diperbaiki dan dibina dan lebih kurang 620 batu jalan luar bandar telah disiapkan.
- (f) Sejumlah 195,634 unit perumahan telah siap dibina, sementara 118,310 unit lagi sedang dalam pembinaan. Dari unit-unit yang telah siap itu, sebanyak 65,936 adalah usaha sektor awam.
- (g) Seramai 5.6 juta orang telah mendapat bekalan air bersih dalam tahun 1978, berbanding dengan 4.5 juta dalam tahun 1970.
- (h) Kira-kira 54 peratus dari jumlah keluarga telah mendapat bekalan elektrik dalam tahun 1978 berbanding dengan 30.5 peratus dalam tahun 1970.
- (i) Bilangan pusat-pusat kesihatan dan klinik bidan luar bandar serta klinik desa telah bertambah dari 1,600 dalam tahun 1975 kepada 1,700 dalam tahun 1978.
- (j) Lebih kurang 2,600 bilik darjah ditambahkan untuk sekolah-sekolah rendah dan kira-kira 1,700 lagi bilik darjah untuk sekolah-sekolah menengah dibina bagi memberi peluang pelajaran formal dan menampung perkembangan pesat bilangan murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula masyarakat kita bagi membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum telah dilaksanakan dengan cara yang membolehkan semua kaum mendapat faedah dari segi pendapatan, pekerjaan dan pemilikan harta. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa pendapatan pukol rata di

Semenanjung Malaysia telah bertambah bagi semua kumpulan kaum dan pendapatan. Dari segi pekerjaan, bahagian orang Melayu dan Bumiputra lain dalam sektor "secondary" dan "tertiary" telah bertambah lagi. Ini menunjukkan bahawa mereka mulai berpindah dari sektor pertanian untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang telah saya sebutkan tadi. Kadar pertumbuhan pekerja-pekerja Melayu dan Bumiputra lain dalam sektor ini adalah lebih cepat dari rakyat Malaysia yang lain. Ini adalah sejajar dengan matlamat untuk menyusun semula pembahagian pekerjaan dalam negeri. Oleh kerana pertumbuhan pekerjaan berkembang dengan pesat, rakyat Malaysia yang lain juga mendapat faedah, seperti yang dapat dilihat dengan kurangnya kadar pengangguran di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyusunan semula hakmilik saham dalam syarikat-syarikat, maklumat yang ada menunjukkan bahawa kemajuan telah juga dicapai. Tetapi, oleh kerana rekod asas syarikat-syarikat hanya mengandungi alamat pemegang saham dan tidak menunjukkan kerakyatan mereka, maka analisa mengenai hakmilik saham hanya dapat dibuat berdasarkan kepada penduduk dan bukan penduduk. Dalam konteks ini, penduduk Malaysia meliputi juga warganegara asing, kebanyakannya rakyat Singapura, yang tinggal di Malaysia. Demikian juga, penduduk asing tidak termasuk rakyat asing yang tinggal di Malaysia, dan dengan yang demikian tidak meliputi kesemua pemegang saham asing. Walaupun begitu, kemajuan masih juga tercapai. Perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa saham yang dimiliki oleh penduduk Malaysia pada keseluruhannya telah bertambah dari 47.7 peratus dalam tahun 1975 kepada 54 peratus dalam tahun 1978. Saham orang Melayu dan Bumiputra lain dalam sektor syarikat telah bertambah kepada 10.3 peratus, sementara saham yang dimiliki oleh penduduk-penduduk Malaysia yang lain, termasuk penduduk asing, telah bertambah kepada 43.7 peratus. Tetapi, kemajuan yang dibuat oleh orang-orang Melayu perseorangan dan Bumiputra yang lain bagi menambahkan saham mereka adalah kurang memuaskan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah bertindak melalui agensi-agensinya seperti PERNAS, UDA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan MARA untuk

meningkatkan lagi pembelian saham untuk disimpan secara amanah bagi orang-orang Melayu dan Bumiputra lain.

Di samping itu, dalam tahun 1978 Kerajaan telah menubuhkan satu Yayasan Pelaburan Bumiputra dengan peruntukan permulaan sebanyak \$200 juta bagi membeli dan memegang secara amanah saham-saham yang telah dikhaskan di syarikat-syarikat yang berkemungkinan maju dan juga saham-saham lain di pasaran. Satu syarikat milikan (subsidiary company) bagi mengurus amanah saham akan ditubuhkan untuk membolehkan orang-orang Melayu dan Bumiputra perseorangan lain memiliki saham-saham ini. Ini akan menjadi tambahan kepada Amanah Saham MARA yang ada sekarang dalam usaha menambah pemilikan saham oleh Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, di antara tahun 1976 hingga tahun 1978, Kerajaan telah menambahkan perbelanjaan pembangunan awam. Ini telah dilakukan bagi mengekalkan paras aktiviti ekonomi dan pelaburan pada peringkat yang tinggi untuk mengimbangkan perkembangan yang lembab di sektor swasta. Perbelanjaan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan awam meningkat dengan kadar 16.1 peratus setahun dalam tahun-tahun lalu. Ini adalah lebih tinggi daripada kadar yang dijangka iaitu 10.8 peratus setahun. Hasilnya ialah pada akhir tahun 1978, lebih kurang \$11.8 ribu juta atau 63.7 peratus daripada jumlah peruntukan asal Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$18.6 ribu juta telah dibelanjakan. Di samping itu, lebih kurang \$26.9 juta telah dibelanjakan untuk keperluan semasa bagi menyelenggarakan rancangan pembangunan dan memperbaiki taraf perkhidmatan sosial terutama sekali dalam bidang pelajaran, kesihatan dan perumahan.

Sektor awam mestilah meneruskan peranan yang dinamik untuk mewujudkan perubahan-perubahan "structure" ekonomi untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh sebab itu, dalam Kajian Separuh Penggal, Kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan bagi sektor awam, menjadikan peruntukan Rancangan ini sebanyak \$32.1 ribu juta atau 75 peratus lebih tinggi dari peruntukan asal sebanyak \$18.6 ribu juta. Setelah mengambil kira kekurangan-kadar pencapaian (shortfalls), perbelanjaan

dalam tempoh 1976-1980 dijangka berjumlah \$25 ribu juta. Ini bererti pelaburan awam meningkat dengan kadar 9.2 peratus setahun. Sekiranya dibandingkan dengan perkembangan asal yang dijangka sebanyak 6.2 peratus setahun, kadar ini menunjukkan peranan sektor awam yang semakin meningkat dan memberi sumbangan kepada kemajuan sosio-ekonomi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kajian Separuh Penggal:

- (a) Pertanian dan pembangunan luar bandar terus mendapat bahagian yang terbesar, iaitu penambahan sebanyak \$2.9 ribu juta. Sebahagian besarnya ialah untuk mempercepatkan rancangan pembangunan tanah, membaiki dan menambah kemudahan-kemudahan parit dan taliair serta menguatkan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan bagi pembangunan luar bandar.
- (b) Menyedari peranan penting Kerajaan dalam pembangunan sektor swasta, dan tanggungjawab agensi-agensi seperti PERNAS, UDA, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dalam penyusunan semula masyarakat, peruntukan tambahan sebanyak \$1.5 ribu juta telah disediakan untuk pembangunan perdagangan dan perindustrian.
- (c) Peruntukan bagi pengangkutan telah ditambah sebanyak \$2.2 ribu juta, sebahagian besarnya untuk pembinaan jalan, pembangunan pelabuhan, dan menambah kemudahan-kemudahan penerbangan awam terutama di kawasan yang kurang maju termasuk Sabah dan Sarawak.
- (d) Untuk membiayai rancangan-rancangan yang telah diperbesarkan, termasuk bekalan letrik dan air di luar bandar, peruntukan bagi kemudahan-kemudahan awam telah ditambah sebanyak \$1.3 ribu juta.
- (e) Peruntukan tambahan juga dibuat bagi pelajaran dan latihan, perumahan dan kesihatan untuk memenuhi keperluan rakyat mendapatkan perkhidmatan sosial yang lebih baik. Pelajaran dan latihan mendapat tambahan sebanyak \$445 juta, peruntukan bagi perumahan

ditambah sebanyak \$1.2 ribu juta dan kesihatan mendapat \$152 juta.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dalam Kajian Separuh Penggal bagi membasmi kemiskinan berjumlah \$11.2 ribu juta iaitu bertambah sebanyak 56% dari peruntukan asal. Tambahan ini bertujuan bagi mempercepatkan lagi pembasmian kemiskinan di dalam dan luar bandar dengan meningkatkan daya pengeluaran serta menambah peluang golongan miskin menggunakan aset yang produktif. Program-program ini meliputi pembangunan tanah, pelajaran rendah dan menengah, perumahan murah, jalan luar bandar, perkhidmatan perubatan dan kesihatan, bekalan letrik luar bandar serta bekalan air dan penyaluran najis. Peruntukan bagi program-program penyusunan semula masyarakat, yang berjumlah sebanyak \$3.5 ribu juta pada asalnya, telah ditambah sebanyak \$1 ribu juta. Tambahan ini ialah bagi maksud mempercepatkan penyertaan orang-orang Melayu dan Bumiputra lain dalam bidang perdagangan dan perindustrian serta meluaskan perkhidmatan bagi menambah bilangan dan meningkatkan bilangan usahawan Bumiputra dan membaiki mutu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembahagian peruntukan kepada negeri-negeri, pertimbangan utama ialah bagi mengurangkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang di antara negeri-negeri yang maju dengan kurang maju. Jumlah peruntukan bagi negeri-negeri yang kurang maju, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Trengganu, telah ditambah sebanyak 62% dari \$2.9 ribu juta kepada \$4.7 ribu juta. Ini telah menyebabkan peruntukan percapita bagi negeri-negeri tersebut adalah lebih tinggi daripada beberapa negeri yang maju. Peruntukan bagi negeri kurang maju akan ditambah lagi apabila keupayaan perancangan dan pelaksanaan projek mereka meningkat maju. Peruntukan bagi negeri-negeri lain telah ditambah sebanyak 65% dari \$13.5 ribu juta kepada \$22 ribu juta. Ini termasuk pembiayaan projek-projek besar yang bercorak nasional dan oleh itu memberi faedah kepada seluruh negara.

Pertambahan perbelanjaan dalam Kajian Separuh Penggal ini adalah besar dan Kerajaan akan menentukan supaya faedah dari perbelanjaan ini diterima dan dinikmati oleh seluruh rakyat jelata. Kerajaan akan

berusaha bagi menentukan supaya faedah dari sesuatu projek itu dinikmati oleh penduduk setempat dari peringkat permulaan sehinggalah projek itu siap. Untuk tujuan ini, keutamaan akan diberi kepada penduduk tempatan dalam pemberian kerja dan kontrak pembinaan dan bekalan yang berkaitan dengan sesuatu projek itu. Dalam perkara ini, sokongan pentadbiran yang diberi oleh Kerajaan bagi menambah bilangan pembekal, kontraktor dan pengusaha pengangkutan di kalangan orang-orang Melayu dan Bumiputra lain akan terus diperkukuhkan.

Walaupun Kerajaan berusaha sedaya upaya bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, kita mestilah ingat bahawa kejayaan usaha-usaha ini bergantung kepada kerjasama dan penyertaan serta penglibatan penuh rakyat jelata. Di bawah Kajian Separuh Penggal, program-program dengan sengaja dirancang supaya memberi keuntungan kepada kawasan-kawasan mundur dan golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membiayai perbelanjaan pembangunan yang bertambah ini, Kerajaan seperti yang dilakukannya di masa-masa yang lepas, akan memastikan supaya usaha-usaha pembangunan kita dijalankan mengikut keadaan kewangan dan fiskal yang stabil. Kita akan sentiasa berhati-hati dalam menjalankan dasar-dasar pembiayaan dan kewangan. Kita sedar bahawa bahaya inflasi yang tidak terkawal sentiasa wujud. Kita telah membiayai dengan jayanya program-program pembangunan melalui langkah-langkah yang tidak menimbulkan inflasi. Memandangkan kepada keadaan ekonomi yang teguh serta prospek pertumbuhan yang cerah, Kerajaan yakin dapat mengumpulkan kewangan bagi perbelanjaan tambahan untuk Kajian Separuh Penggal ini.

Tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga telah menimbulkan kekurangan kewangan (deficit) keseluruhan sebanyak \$8.4 ribu juta. Pertambahan hasil yang banyak kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri juga tidak mencukupi untuk membiayai tambahan perbelanjaan semasa yang tidak dijangka ketika Rancangan ini disediakan. Sebahagian besar daripada kekurangan kewangan ini dibiayai dengan pinjaman dalam negeri dan penggunaan harta terkumpul (accumulated assets.)

Sumber kewangan bagi membiayai program sektor awam yang kian bertambah ini dijangka akan terus baik. Adalah dijangkakan bahawa kekurangan kewangan sebanyak \$10.4 ribu juga akan berlaku bagi baki tempoh Rancangan ini. Jangkaan dibuat selepas dikira hasil dan perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan kelebihan kewangan badan-badan berkanun. Seperti juga di masa yang lepas, pembiayaan ini akan diusahakan melalui pinjaman dalam negeri. Kita tidak menduga akan sebarang kesukaran untuk tambahan pinjaman kita jika diperlu, memandangkan prospek yang baik bagi pertumbuhan pesat ekonomi di masa depan, paras hutang sektor awam yang rendah dan keadaan "liquidity" bank yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan industri dan pemodenan ekonomi kita bagi mencapai matlamat sosio-ekonomi di bawah Rancangan ini sebahagian besarnya bergantung kepada sektor swasta. Walaupun prestasi sektor swasta dalam dua tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga adalah kurang daripada jangkaan, keadaan yang beransur pulih dalam tahun 1978 menguatkan lagi keyakinan kita bahawa aktiviti sektor swasta akan meningkat dalam masa dua tahun yang akan datang. Kerajaan akan terus berusaha menjaga suasana pelaburan yang baik bagi pelabur-pelabur tempatan dan asing.

Untuk meningkatkan lagi keyakinan perniagaan dan suasana pelaburan, Kerajaan telah mengamalkan dasar-dasar kewangan dan fiskal yang menggalakkan perkembangan dalam tempoh separuh penggal ini. Satu agensi tumpuan (one-stop agency) telah ditubuhkan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDA) untuk membantu pelabur-pelabur asing mengurangkan keperluan bagi menghubungi Kementerian di setiap peringkat perundingan dan pelaksanaan projek. Kerajaan juga telah memperhebatkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dari Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun dengan cara mengadakan rombongan pelaburan di peringkat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira melaporkan bahawa kita telah mencapai kemajuan yang memuaskan dalam usaha kita hendak mengurangkan jurang perbezaan dalam hakmilik dan penguasaan harta (asset) yang produktif. Banyak syarikat-syarikat

besar, termasuk syarikat antarabangsa yang mempunyai harta atau kepentingan yang besar di Malaysia telah mengemukakan cadangan penyusunan semula syarikat mereka secara sukarela. Saya merayu kepada pelabur-pelabur asing supaya janganlah bimbang terhadap rancangan penyusunan semula kita kerana peluang-peluang pelaburan sentiasa diwujudkan dan akan terus berkembang selaras dengan perkembangan ekonomi pada keseluruhannya.

Walaupun peratus harta orang-orang asing akan berkurangan, nilai mutlak bahagian mereka akan terus berkembang dengan pesat. Saya juga ingin memberi jaminan kepada pelabur-pelabur bahawa dalam menimbang-cadangan pembelian asset dan kepentingan syarikat ataupun percantuman dan pengambilan-alih perniagaan, Kerajaan akan hanya membuat keputusan selepas diadakan perundingan supaya ianya adil bagi semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Kajian Separuh Penggal ini memberi gambaran tentang pencapaian kita dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dalam tempoh tiga tahun yang lalu. Ia juga menunjukkan kelemahan serta masalah yang dihadapi dan prospek bagi tempoh dua tahun yang akan datang. Sungguhpun kita berasa bangga dengan kejayaan pada keseluruhannya dan yakin dengan prospek pembangunan akan datang masih banyak lagi yang perlu dibuat dalam tahun-tahun lapan-puluhan sekiranya kita ingin mencapai matlamat yang telah ditetapkan bagi tahun 1990 untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Kita mestilah menganalisa dengan mendalam segala keteguhan dan kelemahan rancangan pembangunan kita untuk bersedia bagi Rancangan Malaysia Keempat. Kita mestilah juga membaiki lagi dasar dan program-program pembasmian kemiskinan, pembahagian pendapatan (income distribution) dan perpaduan rakyat.

Dalam membuat persediaan untuk Rancangan Malaysia Keempat, keutamaan akan diberi kepada kajian-kajian dasar serta sama ada rancangan yang akan dijalankan itu berkesan atau tidak. Penyesuaian juga akan dilaksanakan terhadap rancangan-rancangan

itu supaya kesannya ke atas kumpulan yang dimaksudkan akan lebih terasa. Dengan itu penggubal dan pelaksana dasar dapat mempelajari segala kelemahan dari pengalaman yang lepas dan ini membolehkan mereka mengukuhkan lagi perancangan dan pelaksanaan program dan projek di bawah Rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah akan juga diambil bagi mengatasi kelemahan jentera pelaksanaan dan perancangan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Wilayah bagi menentukan supaya kita mempunyai kemampuan dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang lebih besar di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Dalam hal ini, perhatian yang lebih akan ditumpukan kepada negeri-negeri kurang maju di mana pembangunan yang pesat amatlah perlu bagi mengurangkan kemiskinan dan perbezaan ekonomi antara Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya jangan lalai terhadap kesan inflasi dan keadaan antarabangsa yang tidak stabil yang boleh menjejaskan ekonomi negara walaupun kita yakin terhadap prospek pembangunan negara yang akan datang. Sebagai sebuah negara di mana kegiatan ekonominya bergantung sebahagian besar kepada eksport dan impot, kita mestilah sentiasa berhati-hati terhadap keadaan di luar negeri yang boleh membawa akibat buruk. Seterusnya kita mestilah mengambil langkah bagi mengukuhkan lagi ketahanan negara daripada kesan turun naik ekonomi dunia. Di samping itu, adalah penting bagi kita bekerjasama rapat terutamanya dengan negara-negara ASEAN dalam perhubungan perdagangan dan ekonomi dengan negara-negara maju. Kerajaan akan terus memberi sokongan penuh kepada ASEAN dalam usaha mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini, dan mewujudkan satu rangka dasar bagi perkembangan yang berterusan dan pembangunan di kalangan ahli-ahlinya.

Memandangkan perkembangan yang berlaku di rantau ini, kita berazam untuk mempercepatkan lagi proses pembangunan kita, meningkatkan lagi ketahanan negara, dan menyatukan kekuatan kita. Saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan semua rakyat Malaysia supaya mem-baharui sokongan, kerjasama serta

penglibatan mereka dalam usaha kita yang terpenting bagi membina negara untuk generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan (*Tepuk*).

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang disokong ini akan dibincangkan pada hari esok.

Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 20hb Mac, 1979

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.05 petang.